


Jilid III  
Bil. 22



Hari Jumaat  
22hb Julai, 1977

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 2395]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kawalan Timah [Pinddan] [Ruangan 2445]

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia [Pindaan] [No. 2] [Ruangan 2461]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Rumah-rumah Murah di Wilayah Persekutuan [Ruangan 2471]

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL YANG KETIGA

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N., (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang):
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus)
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

**BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

***Pemberita-pemberita:***

N. Ramaswamy  
Louis Yeoh Sim Ngoh  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah  
Suhor bin Husin  
Amran bin Ahmad  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Margaret Chye Kim Lian  
Puan Ng Chong Kin  
Puan Kong Yooi Thong  
Juliah binti Awam  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Kalsom binti Ghazali

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 22hb Julai, 1977

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

KEGIATAN KOMINIS

1. **Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan-tindakan yang dijalankan untuk membersihkan jentera Kerajaan daripada anasir-anasir Kominis yang berselindung di dalamnya, setakat ini berapa bilangan mereka yang telah didedahkan sebagai alat Kominis dan adakah Kerajaan sedar akan tektik Kominis sekarang ini menyusup ke agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah dimaklumkan kepada Dewan ini memang ada percubaan-percubaan kominis untuk meresapi Kerajaan, parti-parti politik, kesatuan-kesatuan sekerja dan apa jua badan-badan berpengaruh yang lain. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memerhati dan mengawasi gerak-geri kominis serta ejen-ejennya dan telah dan akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut undang-undang negara terhadap sesiapa jua yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan kominis dengan tidak mengira kedudukan dan pangkat seseorang itu.

Semenjak tahun 1969 hingga hari ini seramai 33 orang kakitangan Kerajaan telah ditangkap kerana penglibatan mereka di dalam kegiatan-kegiatan pro kominis yang mengancam keselamatan negara. Suka saya mengulangi bahawa dengan adanya tindakan Kerajaan pihak Kominis tidak dapat menyusupi Kerajaan. Bagi mereka yang terlibat hanya terlibat secara peribadi sahaja.

PENCEN TANGGUNGAN KEPADA  
ANGGOTA TENTERA

2. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau bercadang membuat pindaan peruntukan yang ada supaya bayaran saguehati ataupun pampasan dan lainnya bila anggota tentera yang terkorban mengikut hukum Islam (Faraidz), jika ada bila dan jika tidak mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, pencen tanggungan, saguehati dan lain-lain peruntukan yang boleh dibayar kepada tanggungan seseorang anggota tentera yang meninggal dunia adalah sebenarnya mengikut peraturan-peraturan yang ada merupakan bayaran dari Kerajaan yang ditujukan kepada tanggungan-tanggungan itu sendiri dan bukan kepada simati. Wang yang dibayar dengan itu tidaklah dianggap sebagai sebahagian daripada harta yang ditinggalkan oleh simati, sebaliknya wang yang dibayar adalah merupakan pemberian kerajaan kepada isteri atau lain-lain tanggungan kepada sesiapa bayaran itu telah ditetapkan untuk dibuat.

Oleh kerana wang yang dibayar tidak termasuk di dalam kumpulan harta yang ditinggalkan oleh simati maka soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah timbul.

### BEKALAN LETRIK DI LUARBANDAR

**3. Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa di rancangan-rancangan perumahan di kawasan-kawasan bandar pihak Lembaga Letrik Negara dapat membekalkan letrik dengan mudah, tetapi keadaan bekalan letrik di luarbandar, terutama untuk penduduk-penduduk di kampung, diperlambatkan dengan alasan bahawa Lembaga Letrik Negara kekurangan alat-alat letrik sehingga didapati beberapa kawasan luarbandar masih belum mendapat bekalan letrik, jika sedar, mengapa bekalan letrik dapat diberi kepada rancangan-rancangan dan taman-taman perumahan, wal hal alat-alat letrik yang dimaksudkan adalah sama dan sejenis.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pembekalan letrik ke rancangan-rancangan perumahan di kawasan-kawasan bandar biasanya lebih mudah dilaksanakan daripada pembekalan letrik kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan di luarbandar. Ini adalah disebabkan pembekalan letrik ke kawasan-kawasan perumahan di bandar-bandar tidak menghadapi beberapa masalah yang biasanya timbul di dalam melaksanakan projek-projek luarbandar.

Antara masalah-masalah yang biasa dihadapi apakala melaksanakan projek-projek bekalan letrik ke kawasan-kawasan luarbandar dan jarang ditemui di rancangan-rancangan perumahan dan di bandar-bandar adalah seperti berikut:—

- (i) *Masalah mendapatkan kebenaran izin lalu,*  
iaitu kesukaran mendapatkan kebenaran

an daripada tuan-tuan tanah untuk dilalui tanahnya dan pokok-pokok dan dahan-dahan pokok ditebang atau dicantas untuk membolehkan talian letrik disambungkan.

- (ii) *Masalah mendapatkan tapak pencawang dan stesyen luar*  
dimana kebenaran mendapatkannya seringkali mengambil masa yang panjang sungguhpun mendapat kerjasama daripada pihak-pihak yang berkaitan.
- (iii) *Masalah kekurangan kontraktor-kontraktor* juga adalah sentiasa dihadapi di dalam melaksanakan projek-projek luarbandar sungguhpun segala usaha-usaha diambil untuk mengatasinya.

Masalah-masalah tersebut jarang dihadapi apakala Lembaga Letrik Negara menyambung talian letrik ke kawasan-kawasan perumahan di bandar-bandar di mana biasanya tapak-tapak pencawang telah disediakan dan masalah mendapatkan kebenaran mencantas dan memotong pokok tidak timbul sama sekali oleh sebab kawasan ini telah dibersihkan terlebih dahulu.

Masalah kekurangan bahan-bahan, jika timbul, tidak syak lagi akan mengakibatkan mana-mana jua projek samada di luarbandar mahupun di dalam bandar, tergendala selama mana keadaan itu berlaku. Walau bagaimanapun, beberapa tindakan sedang diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini.

### CUKAI KEBUN GETAH

**4. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat kejadian di mana tanah-tanah kebun getah yang telah didirikan rumah dijadikan tempat kediaman tetapi tuan-tuan tanah tersebut masih lagi terpaksa membayar cukainya dengan cukai kebun getah dan tidak cukai rumah. Jika sedar apakah langkah yang sedang

atau akan diambil bagi membetulkan perkara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Embong bin Yahya):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perkara ini berlaku. Ada dua sebab mengapa ia berlaku:—

- (i) Adalah satu hakikat bahawa kebanyakan daripada tanah-tanah bermilik di seluruh negara kita, terutamanya tanah-tanah desa, dipunyai oleh tuan-tuan tanah berkongsi. Seksyen 115(4) dalam Kanun Tanah Negara, membenarkan perbenaan lebih daripada satu rumah di atas satu lot tanah pertanian. Kebolehan ini dapat menyelesaikan masalah-masalah tuan-tuan tanah berkongsi itu.
- (ii) Adalah juga satu hakikat bahawa ramai rakyat di negara kita sekarang sedang menghadapi masalah perumahan yang sesuai untuk mereka. Oleh kerana adanya kehendak yang sungguh-sungguh ini maka wujud pula tuan atau tuan-tuan tanah pertanian yang telah membena rumah-rumah melebihi daripada yang dibenarkan oleh Seksyen 115 Kanun Tanah Negara.

Sebab yang pertama seperti tersebut di atas tidak menggugat pentadbiran tanah negara kita. Tetapi akibat-akibat daripada sebab yang kedua, adalah menggugat pentadbiran tanah negara kita. Ia melanggar Undang-undang Tanah Negara. Kanun Tanah Negara memberi cukup kuasa kepada Pemungut-pemungut Hasil Tanah untuk memperbaiki langgaran Undang-undang itu.

Cukai tahunan untuk tanah pertanian adalah lebih murah daripada cukai tanah perumahan. Tetapi kadar pembayaran adalah berbedza dari satu negeri, ke satu negeri, mengikut Peraturan Tanah, masing-masing negeri itu.

Kementerian saya sedang mendapatkan butir-butir lengkap berkenaan langgaran Undang-undang seperti ini. Saya yakin perkara

ini boleh diperbaiki dan penyesuaian cukai-cukai tanah boleh dibuat sesuai dengan kegunaan tanah semasa.

### **MENYALAHGUNAKAN PASPOT ANTARABANGSA**

**5. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:—

- (a) bilangan pemegang-pemegang paspot antarabangsa Malaysia yang menyalahgunakan paspot-pasport mereka dalam masa 5 tahun yang lampau dan tindakan yang telah diambil terhadap mereka; dan
- (b) bilangan pelancung-pelancung luar negeri yang menyalahgunakan paspot mereka di dalam negeri ini dan tindakan yang telah diambil terhadapnya.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pemegang-pemegang paspot antarabangsa Malaysia yang telah menyalahgunakan paspot-pasport mereka adalah sebanyak 127 orang. Tindakan yang diambil terhadap mereka ialah menarik balik paspot-pasport mereka dan nama-nama mereka dimasukkan ke dalam senarai syak. Dengan demikian, mereka tidak lagi akan dikeluarkan paspot di masa yang akan datang.
- (b) Jumlah pelancung-pelancung dari luar negeri yang telah menyalahgunakan paspot-pasport mereka adalah seramai 1,612 orang. Tindakan mahkamah telah diambil terhadap mereka dan mereka selepas menjalani hukuman diusir keluar.

### **PEMBANTU HOSPITAL — LIM HUN TONG**

**6. Tuan Tan Cheng Bee** bertanya kepada Menteri Kesihatan adakah beliau sedar iaitu seorang Pembantu Hospital bernama Encik

Lim Hun Tong berumur 46 tahun yang ditempatkan di bahagian "Institusi Penyelidikan ke atas Ular dan Bisanya" di Hospital Besar, Pulau Pinang telah dipatuk oleh seekor ular jenis "Malayan Pit Viper" semasa menyusukan ular itu pada 13.1.1977. Encik Lim telah dengan serta-merta dimasukkan ke dalam Wad dan jari telunjuk kanannya terpaksa dipotong akibat dipatuk itu. Sila beritahu Dewan ini jika ada sagu-hati yang berpatutan akan dibayar kepada Encik Lin. atas penderitaannya dan kehilangan jari telunjuk kanannya itu semasa menjalankan tugas. Adakah sebarang Polisi Insuran diambil bagi melindungi bahaya-bahaya bagi Pembantu-pembantu Hospital bekerja dalam tugas-tugas merbahaya serupa itu.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa pembantu hospital Encik Lim Hun Tong berumur 46 tahun yang bertugas di Instituti Penyelidikan Ular dan Bisa Hospital Pulau Pinang telah dipatuk oleh seekor ular jenis "Malayan Pit Viper" semasa menyusukan ular itu pada 13.1.1977.

Berikutan dengan patukan itu jari telunjuk kanan Encik Lim terpaksa dipotong bagi mengelakkan sebarang gangrene. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kakitangan-kakitangan yang bertugas di Instituti Penyelidikan Ular dan Bisa tidak menikmati perlindungan insuran dari Kerajaan. Sekiranya berlaku apa-apa kemalangan mereka akan diberi apa-apa rawatan yang perlu dengan percuma. Encik Lim Hun Tong telah diberi harassment allowance sebanyak \$50.00 sebulan sejak 1hb. Julai, 1971, dan rawatan perubatan dengan percuma telahpun diberikan. Sekiranya mereka meninggal dunia atau ditamatkan perkhidmatan mereka atas perakuan Lembaga Perubatan akibat kemalangan semasa menjalankan tugas, mereka akan menikmati segala faedah-faedah Ordinan Pencen.

## REACTOR NUCLEAR

**7. Dr. Hee Tien Lai** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:—

- (a) apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil untuk memastikan bahawa "reactor nuclear" yang akan dibina di Sungai Buloh tidak akan menjadi punca bahayanya "radiation" dalam jangka dekat masa dan masa yang akan datang; dan
- (b) memandangkan kepada laporan yang tidak menggalakkan mengenai projek nuklear ini atas merbahayanya dan kesan-kesan keburukan ekonomi yang dibuat oleh seorang "environmental scientist" yang terkenal dan terlalu merbahayanya bahan "Plutonium-238" yang digunakan pada "nuclear reactor" di Sungai Buloh, adakah Menteri akan mengkaji semula faedah projek ini di negara kita secara menyeluruh. Jika tidak, kenapa.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, Reactor Triger Mark II ialah sejenis reactor rekod keselamatannya telah terbukti dengan cemerlangnya kerana ianya mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sedia terbina di dalamnya (built-in safety features). Dalam membuat reka bentuk bangunan reaktor dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) telah dibantu oleh pakar-pakar yang dihantar oleh International Atomic Energy Agency (IAEA) dan telah mematuhi segala panduan keselamatan yang disediakan oleh pihak pembuat reactor.

- (b) Kebimbangan yang dibangkitkan oleh salah seorang daripada pensyarah Ilmu Alam dari Universiti Sains Malaysia adalah tidak benar Reactor PUSPATI tidak akan menggunakan atau mengeluarkan "Plutonium-238" tetapi ia akan menggunakan "uranium" yang mengandungi 20% isotop uranium-235 sebagai bahan bakar. PUSPATI telahpun menjawab tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab itu dan jawapannya itu telah disiarkan dalam akhbar SUNDAY STAR, 24.4.77. Dengan bantuan seorang pakar daripada IAEA, PUSPATI

telahpun menyediakan satu laporan analisa keselamatan bagi Reactor Triger Mark II dan kemudahan-kemudahan yang akan dibina di Sungai Buluh.

Laporan itu telah menganalisisakan bahaya-bahaya yang akan timbul dari operasi reactor yang normal dan telah membuat kesimpulan bahawa tidak ada sesuatu keadaan yang boleh membahayakan kakitangan reactor ataupun penduduk-penduduk umum.

### BAHASA MURUT/RADIO MALAYSIA

8. **Tuan Racha Umong** minta Menteri Penerangan menyatakan:—

- (a) kenapa siaran Radio Malaysia dalam bahasa Murut tidak kedengaran di Ulu Limbang dan Ulu Lawas, Bahagian Kelima Sarawak sedangkan siaran dalam Bahasa Malaysia boleh didengar dengan terang dan jelas di kedua-dua tempat ini dan adakah beliau akan memperbaiki keadaan tersebut; dan
- (b) samada beliau akan memperbaiki penerimaan suara bagi Radio dan T.V. Malaysia di Bahagian Kelima Sarawak supaya orang-orang di sana mengetahui dan dapat mengikuti perkembangan mengenai hal ehwal di Malaysia dan bukan hal-hal dan perkembangan di negeri Brunei kerana Radio dan T.V. Brunei penerimaan suaranya adalah lebih baik.

**Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu:—

- (a) Pada amnya menurut kajian yang telah dilakukan penerimaan radio dalam daerah Limbang adalah memuaskan akan tetapi daerah Lawas mempunyai banyak banjaran gunung khususnya kawasan-kawasan pendalaman dan oleh kerana itu tidak termasuk dalam

kawasan liputan utama. Oleh yang demikian, penerimaan signal yang tidak begitu kuat terdapat di kawasan-kawasan ini. Pada waktu petang signal tersebut merosot dan bertambah buruk disebabkan oleh keadaan suasana dan juga gangguan dari pemancaran-pemancaran radio dari tempat-tempat lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerimaan lemah siaran radio tidak terhad kepada siaran dalam bahasa Murut sahaja tetapi keadaan yang sama juga berlaku bagi siaran dalam bahasa Malaysia pada masa-masa tertentu khususnya pada waktu malam. Kuasa pemancar yang digunakan untuk Rangkaian Kuning bagi siaran dalam bahasa Malaysia dan Rangkaian Merah untuk bahasa China, Iban, Bisawa, Murut dan Inggeris adalah sama sahaja kuatnya.

- (b) Perkara ini sedang dalam perhatian dan ada dalam kajian Kementerian ini.

### NOMBOR PENDAFTARAN KERETA-KERETA

9. **Toh Puan Onn Zariah bin Abu Bakar** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa pembahagian nombor-nombor kereta dari 1 hingga 10 adalah tidak memuaskan selain daripada merugikan Kerajaan. Jika sedar adakah beliau akan menenderkan nombor-nombor tersebut untuk mendapatkan lebih banyak lagi hasil negeri (revenue) seperti yang diamalkan oleh Republik Singapura.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berpendapat pembahagian nombor-nombor pendaftaran kereta dari 1 hingga 10 adalah tidak memuaskan dan merugikan. Pembahagian nombor-nombor kereta bagi negeri-negeri kecuali Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan adalah ditentukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan, Raja atau yang di-Pertua Negeri

berkenaan. Pembahagian nombor bagi Wilayah Persekutuan pula adalah dibuat oleh Kementerian saya sementara Negeri Melaka dan Pulau Pinang dibuat oleh Kerajaan Negeri berkenaan.

Saya berpuas hati dengan cara pembahagian nombor-nombor seperti yang dibuat oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan. Walau bagaimanapun, syor Ahli Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pendaftaran kereta nombor 1 hingga 10 di beberapa buah negeri kecuali Melaka adalah ditentukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan. Soalan saya ialah, atas peraturan apa cara ini diikuti oleh Jabatan-jabatan Pendaftaran tiap-tiap negeri?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Peraturannya telahpun saya terangkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, iaitu Kerajaan Negeri selain daripada Kerajaan Negeri Melaka, Negeri Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan adalah dibahagikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan ataupun Yang di-Pertua Negeri berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Barangkali Ahli Yang Berhormat itu bertanya, adakah peraturan (rules) yang dibuat. Begitukah Yang Berhormat?

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah itu semata-mata administrative arrangement sahaja?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Sebagai administrative arrangement sahaja.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, jika ini adalah satu administrative arrangement dan kerana adanya pula sungutan-sungutan mengapa keistimewaan diberi kepada hanya segolongan, tidakkah boleh administrative arrangement ini ditarik semula.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Sungutan-sungutan itu boleh jadi ada kerana memanglah payah kita hendak memuaskan hati semua orang. Tetapi sebagaimana saya katakan tadi, kalau ini perlu diubah, saya bersedialah melihat adakah apa-apa yang kita boleh buat untuk membaiki cara-cara yang ada sekarang.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada nombor 1 hingga 10 itu lain-lain nombor juga digemari oleh setengah-setengah orang. Di lain-lain negeri nombor-nombor ini boleh didapati dengan cara membayar pembayaran tertentu samada \$50, \$100 dan \$200 atau berapa sahaja yang ditetapkan. Oleh sebab sekarang tidak ada amalan semacam ini, ada beberapa orang yang gemarkan nombor-nombor ini memperolehi nombor-nombor ini; saya tahu bukan percuma barangkali tidak payah saya sebutkan, kalau kata tidak percuma itu mesti ada perkiraan cara lain yang tidak sihat. Adakah Yang Berhormat Menteri akan menimbang amalan yang dibuat oleh lain-lain negeri demi mendapatkan revenue supaya adakan aturan dan peraturan di mana satu-satu serial itu dapat ditempah nombor yang disukai oleh sebarang orang dengan cara pembayaran yang tertentu sebagaimana yang dibuat di England, Amerika termasuk di Singapura. Samada cara ini akan ditimbang supaya menguntungkan negara bukan menguntungkan kocek orang masing-masing yang boleh merizabkan nombor-nombor yang terdapat pada masa sekarang.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan yang Yang di-Pertua, kita akan pertimbangkan.

## TANDA NAMA PEGAWAI KASTAM

**10. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Kewangan, adakah Kerajaan bercadang mengeluarkan arahan supaya pegawai-pegawai kastam yang sedang bertugas memakai tanda nama dan nombor supaya orang awam dapat mengenal mereka itu, kiranya ada, bilakah

rancangan ini akan dijalankan; kiranya tidak, tidakkah syor ini akan mendatangkan kebaikan atau keburukan kepada perkhidmatan Kastam.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1972, pegawai-pegawai kastam yang bertugas dikehendaki memakai tanda nama dan nombor. Pegawai Kastam Kanan dan tinggi dikenali dengan dua atau tiga bintang dan mereka memakai tanda nama. Pegawai Kastam dikenali dengan satu bintang atau jalur diepolet (epaulette) dan memakai tanda nombor serta nama sekali.

### KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

**11. Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada Kerajaan akan menimbangkan meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk membolehkan orang-orang yang perlu wang mengeluarkan wang untuk pelajaran anak-anak mereka dari masa ke semasa;
- (b) samada Kerajaan akan menimbangkan mereka yang pada masa dahulu menjadi pekerja-pekerja mengeluarkan semua wang mereka kerana sekarang mereka menjalankan perniagaan mereka sendiri dan tidak lagi menca- rum kepada K.W.S.P.; dan
- (c) samada Kerajaan akan menimbangkan menjadikan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai Kumpulan Wang Jimat Cermat dan Meminjam Kebangsaan untuk membolehkan pekerja-pekerja yang miskin meminjam wang dengan cagaran caruman mereka dengan kadar faedah yang rendah.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli

Yang Berhormat ini telah selalu di- bangkitkan di Dewan ini. Saya suka menjelaskan sekali lagi bahawa Kum- pulan Wang Simpanan Pekerja telah ditubuhkan dengan objektif utama untuk memberi jaminan dan faedah kepada pekerja-pekerja yang telah ber- sara dan mereka tidak lagi memper- olehi sumber pendapatan yang tetap. Untuk memastikan pencapaian objek- tif ini Ordinan K.W.S.P. 1951 telah menetapkan syarat-syarat di mana ca- ruman di dalam K.W.S.P. boleh di- keluarkan. Syarat-syarat untuk menge- luarkan caruman daripada KWSP. ialah apabila seseorang pekerja itu meninggal dunia, apabila pekerja ter- sebut telah mencapai umur 55 tahun, apabila pekerja tersebut tidak berke- upayaan dari segi fizikal untuk mene- ruskan sebarang pekerjaan dan apabila seseorang pekerja meninggalkan negara ini untuk selama-lamanya. Se- lain daripada itu pekerja-pekerja juga dibenar mengeluarkan 1/3 daripada caruman mereka di dalam K.W.S.P. pada umur 50 tahun.

- (b) Ordinan K.W.S.P. juga telah dipinda pada awal tahun ini, antara lainnya untuk membenarkan penca- rum-pen- carum K.W.S.P. mengeluarkan 10% daripada harga rumah yang dibeli di bawah Rancangan Pinjaman Rumah Murah yang dikelolakan oleh MBSB atau maksima sebanyak \$2,000. Penge- luaran ini adalah bertujuan untuk membantu pekerja-pekerja yang ber- pendapatan rendah yang tidak mampu membayar wang pendahuluan untuk membeli rumah mereka. Rancangan ini dikira dapat memberi faedah kepada sebahagian besar daripada penca- rum-penca- rum K.W.S.P.
- (c) Soalan (a), (b) dan (c) yang ditimbul- kan oleh Ahli Yang Berhormat ini ada- lah dikira bertentangan dengan objek- tif penubuhan K.W.S.P. seperti saya jelaskan di atas. Mengenai Soalan (b)

khasnya, Ordinan K.W.S.P. telah dipinda untuk membolehkan orang-orang yang bekerja sendiri mencarum kepada K.W.S.P. Jika seseorang pekerja yang dahulunya bekerja dengan majikan dibenarkan mengeluarkan semua caruman K.W.S.P. mereka apabila mereka bekerja sendiri ini berarti mereka tidak mempunyai sumber jaminan yang tetap di masa tua mereka. Dengan sebab itulah Kerajaan sebaliknya menggalak pekerja-pekerja sendiri mencarum kepada K.W.S.P.

### DAKYAH KOMINIS

**12. Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau bercadang mengambil tindakan tegas untuk melindungi belia-belua dan mereka yang tidak berdosa dari dipengaruhi oleh kominis untuk dijadikan ajen-ajen mereka.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah tegas untuk merayu kepada semua badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan seperti agama, politik, persatuan-persatuan belia dan juga kebudayaan untuk membawa kesedaran kepada ahli-ahlinya menginsafi tentang bahayanya faham kominis dan bencana yang akan menimpa agama, bangsa dan negara kita sekiranya pihak kominis berjaya dalam perjuangannya yang kita tahu adalah dengan cara kekerasan dan kekejaman.

Suka saya tegaskan di sini bahawa perjuangan menentang kominis bukanlah hanya tanggungjawab Kerajaan dan Pasukan Keselamatan sahaja tetapi perjuangan menentang kominis ini adalah perjuangan rakyat seluruhnya dan terutama sekali pemimpin-pemimpin, badan-badan, pertubuhan-pertubuhan termasuklah Wakil-wakil Rakyat yang faham tentang masaalah kominis ini mestilah mengambil daya inisiatif untuk memberi kesedaran dan keinsafan kepada rakyat

seluruhnya. Pihak Kerajaan tidak mungkin dapat menyerap seluruh lapisan rakyat dan golongan masyarakat atas bahaya kominis ini kalau tidak dengan bantuan dan kerjasama pemimpin-pemimpin masyarakat yang lain iaitu pemimpin-pemimpin seperti Ahli-ahli Yang Berhormat Dalam Dewan ini.

Soal melindungi belia-belua dan mereka yang tidak berdosa dari dipengaruhi oleh kominis adalah merupakan tanggungjawab semua pihak seperti keluarga, agensi-agensi Kerajaan, pihak-pihak swasta dan industri-industri, badan-badan serta pertubuhan-pertubuhan seperti belia, kebudayaan, agama, persatuan dan politik. Kegagalan mana-mana satu pihak tersebut untuk mengambil tindakan tegas dan daya usaha dalam memberikan kesedaran dan keinsafan kepada pengikut-pengikut mereka dari dipengaruhi oleh kominis boleh menyebabkan ada belia-belua yang boleh terpengaruh oleh dakyah kominis.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi sedikit penjelasan apakah erti (definition) kominis, siapa itu kominis?

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak diberi penjelasan, ini lain daripada soalan asal, sebab perkara ini sangat luas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat boleh tengok dalam buku rojokan di Perpustakaan.

### GAJI BARU MENYEBABKAN NAIK HARGA BARANG

**13. Wan Zainab binti M.A. Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa kenaikan gaji kakitangan Kerajaan dan Separuh Kerajaan menyebabkan kenaikan harga barang-barang keperluan, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, Gaji baru dan tunggakan gaji bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan serta badan-badan berkanun akan hanya mula dibayar mulai akhir bulan ini. Oleh kerana itu, tidaklah pasti bahawa kenaikan harga barang-barang keperluan setakat ini disebabkan oleh pelaksanaan tanggagaji baru. Walau bagaimanapun kenaikan harga barang-barang secara umumnya adalah kerana beberapa sebab dan bukan disebabkan oleh tanggagaji baru sahaja. Saya ingin menambah di sini bahawa Angkatunjuk Harga Pengguna sehingga bulan Mei telah naik sebanyak 4.4% sahaja pada kadar setahun. Namun begitu, Kerajaan sedang memerhatikan keadaan ini dengan teliti oleh kerana Kerajaan sedar bahawa kesan buruk ke atas Angkatunjuk Harga Pengguna dari inflasi yang diimpot dan kenaikan harga barang-barang eksport akan, di antara lain, ditambahkan lagi oleh kemerosotan di dalam daya pengeluaran, kenaikan upah yang tinggi dan termasuk jua sebarang kesan-kesan psikologi yang disebabkan oleh kenaikan upah yang tinggi.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan akan menggunakan segala alat-alat fizikal dan kewangan yang ada padanya untuk mengawal dan membentasi kenaikan harga. Cara pembayaran tunggakan gaji yang dibuat secara berperingkat-peringkat dan potongan cukai yang dibuat terlebih dahulu sebelum bayaran tunggakan itu diberi adalah merupakan sebahagian daripada rancangan Kerajaan untuk menahan kesan ke atas kenaikan harga barang-barang oleh kerana gaji baru dan bayaran tunggakan. Seperti yang telah saya tegaskan, langkah-langkah lain juga akan digunakan tetapi pada akhirnya apa yang diperlukan oleh Kerajaan ialah kerjasama dan persefahaman daripada semua sektor ekonomi iaitu pihak pengurusan, kesatuan-kesatuan sekerja, ahli-ahli perniagaan, pedagang-pedagang dan pengguna-pengguna, bagi menguatkan lagi usaha Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga.

Sesungguhnya mungkin perlu diberikan perhatian yang lebih berat untuk diwujudkan kriteria-kriteria bagi menentukan bahawa semua sektor di dalam ekonomi boleh mendapat pertimbangan yang lebih baik melalui upah-upah yang adil oleh para pekerja, pulangan-pulangan yang saksama bagi para pelabur dan peniaga-peniaga dan yang lebih mustahak ialah keadilan harga untuk para pengguna, seperti kita semua. Di dalam hubungan ini Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat lagi iaitu di dalam ucapan saya di Dewan Negara ketika menggulung perbincangan mengenai Lapuran Jawatankuasa Kabinet yang telah dibentuk untuk mengkaji tanggagaji baru di dalam Perkhidmatan Awam pada 27hb Januari, 1977, saya telah mencadangkan supaya garis panduan untuk harga-harga dapat diwujudkan secara beransur-ansur dengan kerjasama dari semua pihak yang berkenaan supaya dapat diwujudkan kestabilan dan juga harga-harga yang adil untuk barangan dan perkhidmatan.

### **PESAKIT-PESAKIT HOSPITAL KLUANG**

**14. Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa pesakit-pesakit di Hospital Besar Kluang terpaksa pergi dari Kluang ke Johor Bharu dan balik untuk mendapatkan balik wang pertaruhan hospital mereka yang mengakibatkan ketidakselesaian yang amat sangat dan juga perbelanjaan-perbelanjaan tambahan yang tidak perlu kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah dan juga terdapat kes-kes di mana pesakit-pesakit diberitahu di Johor Bharu oleh pihak Pejabat Perubatan dan Kesihatan bahawa wang pertaruhan mereka tidak ada dengan mereka dan selepas kembali ke Kluang mereka diberitahu oleh pihak Hospital Besar Kluang yang wang pertaruhan mereka itu telah dihantar ke Johor Bharu dan akibat ini terdapat kes-kes wang pertaruhan masih belum lagi dibayar balik sehingga lebih dari setahun; dan nyatakan apakah tindakan

yang sedang diambil untuk membolehkan pesakit-pesakit di Hospital Besar Kluang mendapatkan balik wang pertaruhan mereka dengan segera dengan tidak dikehendaki pergi ke Johor Bharu untuk mendapatkannya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, baki wang pertaruhan pesakit-pesakit Hospital Kluang biasanya dibayar daripada wang tunai atau petty cash sekiranya baki tersebut tidak melebihi \$25.00. Akan tetapi sekiranya baki itu adalah lebih daripada \$25.00, satu baucher akan disediakan oleh Hospital Kluang dan dimajukan kepada Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Johor, Johor Bahru untuk dibayar terus kepada pesakit-pesakit berkenaan. Ini dibuat melalui cek yang dihantar kepada alamat pesakit. Kadang kala cek-cek ini dikembalikan kepada Pejabat Pengarah oleh Jabatan Pos dengan catitan "Tiada alamat demikian" atau "Alamat tidak mencukupi". Cek yang dikembalikan itu dihantar pula ke Hospital Kluang untuk ditujukan semula kepada pesakit-pesakit berkenaan selepas disiasat di mana pesakit-pesakit itu berada. Disebabkan kesukaran yang kadang-kadang kala timbul maka kelewatan membayar baki wang pertaruhan kadang-kadang tidak dapat dilakukan. Tindakan telah diambil untuk memudahkan pembayaran baki wang pertaruhan hospital kepada pesakit-pesakit dengan cara meminta Hospital Kluang mencatatkan alamat pesakit-pesakit dengan betul pada masa-masa yang akan datang. Kementerian saya juga sedang menimbangkan tambahan kepada wang tunai atau petty cash bagi Hospital-hospital Daerah dan akaun panjar khas bagi hospital-hospital besar.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan beritahu lebih kurang berapa lama seorang pesakit boleh dapat balik wang pertaruhannya?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, kita serahkan kepada perhu-

bungan di antara Hospital Kluang dengan hospital Johor Bahru, jikalau wang itu lebih daripada \$25.00 kita mesti mengadakan baucer dikirim kepada Hospital Johor Bahru dan dari siti dikirim pula terus kepada pesakit. Jadi kalau cepat dia mendapat ceknya maka cepatlah dia dapat dan kalau lambat maka lambatlah dia dapat dan ini terpulung kepada perhubungan antara kedua belah pihak.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Jadi nampaknya ada banyak red-tape. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan potong red-tape itu?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itulah sekarang ini kita telah mengambil tindakan-tindakan untuk menimbangkan tambahan kepada wang tunai (petty cash) yang diberikan kepada hospital daerah. Kalaulah kita ada mempunyai wang tunai yang banyak dan sepadan dengan kadar bayaran kita maka kita bayarkan dengan cara cash. Itulah tindakan-tindakan yang diambil sekarang.

#### SUBSIDI BAJA DAN BAHAN PEMBUNUH SERANGGA

15. **Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah sebarang rancangan untuk memberi subsidi baja dan bahan pembunuh serangga kepada pekebun-pekebun padi bukit di Sarawak supaya mereka akan memperolehi hasil padi yang baik.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan dari Kementerian Pertanian dan Pembangunan Kemasyarakatan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri ada memberi subsidi baja ammophos dan pemberian percuma bahan pembunuh serangga.

## SUBSIDI BAJA DI SARAWAK

**16. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada operasi bersama Tentera Malaysia dan Thai yang telah dilancarkan baru-baru ini di sempadan Malaysia/Thai berkesan dan apakah tindakan yang lebih lanjut lagi yang diambil oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia supaya anasir-anasir komunis itu tidak dapat bertapak semula di negara kita ini.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, gerakan bersama yang telah dilancarkan baru-baru ini di sempadan Malaysia/Thai di bawah nama Gerakan Daoyai — Musnah I dan II memang mencapai kejayaan dalam rangka kerjasama keselamatan sempadan Malaysia/Thai. Kejayaan ini tidak seharusnya dipandang semata-mata dari segi jumlah musuh yang dibunuh atau yang cedera tetapi ianya haruslah dilihat dari segi strategi kita menentang penganas komunis di mana Pasukan Keselamatan kedua-dua negara berkemampuan untuk bertindak bagi memusnahkan tempat-tempat perlindungan serta infrastruktur dan memecah-belahkan pertubuhan penganas komunis yang menguasai sempadan selama ini. Dengan adanya kerjasama yang demikian maka penganas komunis tidak dapat melaksanakan kegiatan-kegiatan mereka dengan penuh berhasil.

Gerakan-gerakan bersama ini juga telah memberi kesan psikologi kepada penduduk-penduduk di kawasan sempadan. Mereka sekarang menaruh kepercayaan dan keyakinan di atas kebolehan dan hasrat Pasukan Keselamatan Kedua-dua negara bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman mereka dan seterusnya keamanan kedua-dua negara. Dari masa ke semasa Pasukan Keselamatan kedua-dua negara akan terus melancarkan gerakan-gerakan bersama samada gerakan bersama atau gerakan bersendirian bagi menentukan penganas komunis tidak dapat bertapak semula di negara kita ini.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum,

gerakan bersama seterusnya di bawah nama Cahaya-Bena I dan II telahpun dilancarkan pada 4hb dan 7hb Julai baru-baru ini. Cahaya-Bena I dilancarkan di daerah Betong dan Cahaya-Bena II di daerah Weng.

Di samping langkah-langkah ketenteraan satu usaha yang patut dititikberatkan ialah penglibatan rakyat jelata negara ini khususnya di kawasan sempadan untuk bersatu di belakng Kerajaan menentang pihak musuh berhabis-habisan, misalnya, dengan memberikan maklumat-maklumat tentang pergerakan-pergerakan musuh di negara kita. Begitulah juga pentingnya rancangan-rancangan pembangunan sosio-ekonomi yang telah dan sedang dijalankan oleh kedua-dua Kerajaan untuk meninggikan taraf ekonomi rakyat di kawasan-kawasan sempadan.

**Tuan Mohd. Soviee bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan langkah-langkah lanjut, saya sangat sukacita dan saya ingat semua Ahli Yang Berhormat sukacita yang semua penduduk kita memberi sokongan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong tanya soalan dengan tepat dan jangan membuat ucapan atau mukadimah permulaan yang panjang.

**Tuan Mohd. Soviee bin Sheikh Ibrahim:** Berkenaan sokongan yang diberi oleh rakyat di sempadan. Saya suka hendak bertanya samada antara tindakan-tindakan yang akan datang itu pihak Kerajaan akan menimbang untuk mengadakan atau menambahkan kemudahan-kemudahan komunikasi lalu-lintas, bekalan dan sebagainya dan membukakan kawasan sempadan ini untuk menempatkan bekas-bekas tentera, bekas-bekas Polis dan sebagainya. Dengan cara ini dapat berkampung sepanjang sempadan yang dapat dibuat supaya lebih kita dapat sokongan dari pada orang ramai, khasnya orang ramai yang ada pengalaman mempertahankan diri dan mempertahankan tanahair supaya lebih mengekalkan dan lebih menguatkan langkah-langkah pertahanan kita di sempadan.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, begitulah cita-cita Kerajaan kita.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah yang menyebabkan gerakan menghancurkan komunis ini dikatakan Cahaya-Bena? Mengapa tidak dikata Cahaya Hapus atau sebagainya (*Ketawa*).

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, susahlah saya hendak memberi definisi itu kerana ini telah diputuskan oleh mereka bersama supaya kedua-dua pihak memahami maknanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau bunga ros itu nama lain pun bunga ros juga (*Ketawa*).

**Tuan Oh Keng Seng:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini dalam Gerakan Cahaya-Bena I dan II berapa ramai-  
kah soldiers kita dan juga komunis yang telah ditembak mati dan cedera?

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soal peperangan ini merupakan strategic kita dan tidak boleh memberi tahu jumlahnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat dalam suratkhbar ada masuk perkara ini (*Ketawa*).

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, suratkhbar itu berupa wartawan penulis. Kalau bercakap di sini merupakan rekod rasmi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rekod rasmi tidak boleh dijawab.

**Tuan Oh Keng Seng:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu di mana Rashid Maidin dan Chin Peng sekarang (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini terkeluar daripada soalan asal.

## PENANAMAN MODAL DARI NEGARA ASING

17. **Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah Penanaman Modal ke negara kita oleh negara-negara di bawah ini:

Amerika	Hong Kong	Singapura
Britain	Perancis	Kanada
Jepun	Belanda	India dan lain-lain

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan dari Negeri Amerika, Britain, Jepun, Hong Kong dan Singapura di Malaysia pada akhir tahun 1974 adalah seperti berikut:—

Negeri	Jumlah Pelaburan (Juta Ringit)
Amerika	353.9
Britain	2,082.9
Jepun	291.3
Hong Kong	423.7
Singapura	1,819.7

Perangkaan berasingan bagi Negeri-negeri Perancis, Belanda, Kanada dan India tidak dapat didapati. Angka-angka bagi Negeri-negeri tersebut adalah disatukan di dalam kumpulan "lain-lain" yang berjumlah \$586.5 juta pada akhir tahun 1974.

## MAJLIS BELIA MALAYSIA

18. **Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah** bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk menyatukan pergerakan-pergerakan belia

seperti yang terdapat hari ini iaitu M.A.Y.C., M.Y.C., dan pergerakan gabungan belia lain-lain ke dalam satu percantuman nasional yang lebih besar, padu dan kukuh membimbing ke arah cita-cita bersama.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr. Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, di negara ini telahpun ujud Majlis Belia Malaysia yang bertujuan untuk menyelaraskan dan menyatu-padukan pertubuhan belia yang berbagai corak bagi mencapai matlamat pembangunan, keselamatan dan perpaduan belia khususnya dan negara amnya.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa mengadakan perundingan dengan pihak Majlis Belia Malaysia dan pertubuhan-pertubuhan belia yang belum bergabung dengan Majlis Belia Malaysia dan mengatur perundingan di antara mereka untuk mengatasi masalah-masalah yang ada untuk membolehkan pertubuhan-pertubuhan itu bergabung dengan Majlis Belia Malaysia. Usaha-usaha ini masih belum selesai. Walaupun begitu, setakat ini ia telah menunjukkan hasil yang menggalakkan dengan adanya kemungkinan bahawa beberapa pertubuhan belia tersebut akan bergabung semula dengan Majlis Belia Malaysia tidak lama lagi.

## MUFTI-MUFTI KE TIMUR TENGAH

**19. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesimpulan dan natijah yang dapat dibuat berhubung dengan lawatan Mufti-mufti dan Ahli-ahli Ugama ke negara-negara Timur Tengah baru-baru ini, khususnya dalam perkara perancang keluarga. Dan benarkah ada di antara pemimpin-pemimpin mereka marah-marah kepada rombongan kita kerana projek perancang keluarga ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan yang dibuat oleh Mufti-

mufti dan lain-lain pegawai ke Timur Tengah baru-baru ini di mana saya telah mengetuainya adalah bertujuan semata-mata untuk meluaskan pengetahuan Ahli-ahli rombongan serta mengeratkan tali silaturrahim di antara mereka dan saudara-saudara kita di luar negeri; di samping itu Ahli-ahli rombongan juga berpeluang bertukar-tukar fikiran berkaitan dengan perkembangan sosio-ekonomi, kesihatan termasuk perancangan keluarga di negara-negara Islam. Lawatan yang pertama seumpamanya itu adalah sangat berfaedah dan mendatangkan kesan yang sangat baik di antara negara kita dengan negara-negara yang dilawati.

Di Saudi Arabia rombongan ini adalah menjadi tetamu kepada Rabitah Alam Islami, di Mesir menjadi tetamu Kementerian Kebajikan Masyarakat dan telah dapat menemui Menteri berkenaan, Ketua Dakwah Islamiah, Tuan Mufti Mesir SHAIKHUL ASHAR dan pembesar-pembesar yang lain.

Di Turki rombongan ini menjadi tetamu Kementerian Kesihatan dan Gabenor Wilayah Kenya serta menemui Menteri Negara Hal Ehwal Agama Islam. Di Moroko rombongan ini menjadi tetamu Kementerian Kesihatan dan telah menemui Menteri Kesihatan dan Alim Ulama Moroko.

Pertukaran fikiran di antara rombongan dengan Menteri-menteri, pemimpin-pemimpin dan Alim Ulama Negara yang dilawati adalah menambahkan pengetahuan dan pengalaman.

Adalah tidak benar bahawa pemimpin-pemimpin negara yang dilawati ini menentang atau menunjukkan perasaan yang tidak senang terhadap Ahli-ahli rombongan kita disebabkan program perancang keluarga di negara ini. Sebaliknya hasil lawatan rombongan ini sangatlah membanggakan bukan sahaja dari segi Ahli-ahli rombongan ini dapat sedikit-sebanyak meninjau kemajuan dan pemikiran serta penjelasan dari pemimpin-pemimpin negara-negara yang dilawati tetapi

sambutan yang diberikan oleh mereka adalah penuh kemesraan dan pihak mereka telah juga membayangkan hasrat untuk membuat lawatan ke negara kita dan menyokong bahawa pertukaran lawatan alim ulama di negara-negara Islam harus digalakkan.

Saya suka mengambil kesempatan ini sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan dan Rabitah Alam Islami Saudi Arabia, Kerajaan Mesir, Kerajaan Magribi dan Kerajaan Turki, dan berterima kasih jua kepada Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia di Mesir, Saudi Arabia dan London, atas sambutan meriah yang memuaskan kepada rombongan ini.

#### **TEXSYN FIBRE INDUSTRIES — PERTIKAIAN PEKERJA**

**20. Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menerangkan:—

- (a) mengapa Kementerian beliau tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menyelesaikan pertikaian di antara Texsyn Fibre Industries dengan pekerja-pekerjanya sejak bulan Mac tahun ini; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa pihak Texsyn Fibre Sdn. Bhd. dengan sengaja tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian yang dibuat di antaranya dan pekerja-pekerja dan apa tindakan yang diambil oleh Kementerian.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berkenaan dengan pertikaian di Syarikat Texsyn Fibre Industries Sdn. Bhd. Perai saya bukan sahaja menafikan tiada apa-apa tindakan diambil oleh Kementerian saya untuk menyelesaikannya, tetapi sebaliknya ingin menegaskan bahawa segala tindakan ke arah penyelesaian telah diambil oleh Ke-

menterian saya. Malangnya usaha-usaha Kementerian saya itu dikecewakan oleh pihak pekerja sendiri kerana mereka enggan membincangkan masaalah-masaalahnya di meja rundingan. Pekerja-pekerja sebaliknya melancarkan tindakan mogok pada 19.3.77. Memandangkan perkara mogok itu sedang dipertimbangkan oleh Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang, eloklah saya tidak memberi penjelasan lanjut mengenainya di sini.

- (b) Pertanyaan ini adalah sukar sedikit untuk dijawab memandangkan Ahli Yang Berhormat tidak menentukan perjanjian mana yang dimaksudkan. Dengan dibantu oleh Kementerian saya kedua pihak syarikat dan kesatuan telah berjaya mencapai penyelesaian atas beberapa perkara yang dirundingkan tidak lama dahulu misalnya Elaun Bantuan Khas, Bayaran Tambahan Tahunan dan Faedah Pengenepian dan lain-lain. Maklumat saya ialah semua perjanjian atas perkara-perkara itu telahpun dilaksanakan. Bagaimanapun mungkin perjanjian bersabit dengan pertikaian tersebut telahpun dicapai oleh kedua pihak secara langsung tanpa dibawa ke pengetahuan Kementerian saya. Jika sekiranya benar dan terdapat sebarang syarat perjanjian itu tidak dipatuhi maka eloklah bagi pihak berkenaan melaporkan ke Kementerian saya untuk tindakan sewajarnya.

#### **PERUMAHAN PEKERJA-PEKERJA LOMBONG**

**21. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau dalam perhubungan dengan berbagai-bagai Kerajaan Negeri, terutama sekali Perak dan Selangor, dalam mendapat kelulusan negeri bagi majikan-majikan lombong untuk membina rumah-rumah bagi

pekerja-pekerja dalam perusahaan bijih timah yang berjumlah lebih daripada 36,000 orang di seluruh negara, dan nyatakan sambutan dari Kerajaan-kerajaan Negeri ini mengenai perkara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian kami memang mengambil berat tentang perkara perumahan bagi semua rakyat berpendapatan rendah termasuk pekerja-pekerja lombong. Masalah perumahan bagi pekerja-pekerja lombong adalah menjadi suatu perkara yang telah dilaporkan oleh Jawatankuasa Bertindak mengenai kemudahan-kemudahan bagi pekerja-pekerja di ladang-ladang dan lombong-lombong. Jawatankuasa ini adalah diketuai oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan laporannya telahpun disiapkan. Berasaskan kepada perakuan-perakuan dari laporan itu Kementerian kami telah membuat suatu perbekalan dalam peraturan mengenai Sekim Pinjaman Perumahan dari Tabung Wang Pusingan agar liputannya menampung kehendak pinjaman perumahan pekerja-pekerja lombong. Seperti Yang Berhormat tentu maklum masalah ini sangatlah rumit kerana ianya melibatkan perkara pokok, iaitu bidang kuasa Kerajaan Negeri yang berkenaan ke atas tanah dan juga kerana tanah-tanah lombong adalah tanah pajakan dan bukanlah hak majikan syarikat pelombong untuk digunakan bagi maksud lain daripada melombong. Oleh itu perkara tanah itu perlu diselesaikan dahulu sebelum tindakan yang berikutnya dijalankan. Berbagai mesyuarat telah diadakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan, dengan wakil-wakil pelombong dan lain-lain Kementerian/Jabatan Kerajaan yang berkenaan. Pada masa ini tiada terdapat lagi sebarang keputusan muktamad mengenai perkara ini. Namun demikian, Kementerian saya, bekerjasama dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan Kementerian Perusahaan Utama sedang meneruskan usaha untuk mencapai matlamat Jawatankuasa Bertindak itu bukan sahaja bagi negeri-negeri Selangor dan Perak,

tetapi juga negeri-negeri lain di seluruh negara.

### JALAN SIMANGGANG DAN JALAN GEDONG, SIMUNJAN

**22. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada jalanraya yang kurang baik untuk digunakan oleh orang ramai di luar bandar dapat diperbaiki iaitu seperti Jalan Simanggang dan Jalan Gedong di daerah Simunjan.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar Kerajaan untuk memperbaiki jalan-jalan raya di seluruh negara kita. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah membuatnya dengan cara berperingkat iaitu mengikut keutamaan.

Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketiga sahaja kita telah memperuntukan lebih daripada \$100 juta untuk memperbaiki jalanraya luar bandar.

**Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk:** Soalan tambahan. Tuan yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar adanya jalan-jalan di kawasan kediaman VIP diperbaiki dan dibubuh minyak tar berkali-kali walhal jalan-jalan luar bandar terbiar dengan begitu sahaja. Jika sedar, mengapakah cara itu dibiarkan dan tidak diambil perhatian.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah sangat umum. Kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat menunjukkan mana satu jalan di kawasan VIP yang dibubuh tar berkali-kali saya akan larang Jabatan Kerja Raya berbuat demikian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Eloklah berhubung dengan surat atau dengan Yang Berhormat Menteri sendiri.

## PENYALAHGUNAAN DADAH

**23. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Undang-undang menyatakan sejauh manakah kuasa diberi kepada Polis di bawah pindaan yang terakhir Ordinan Dadah baru-baru ini yang membolehkan mereka menangkap mana-mana orang yang terlibat.

**Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang diberi kepada Pegawai Polis dalam pindaan yang terakhir untuk menangkap orang yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah adalah sebagaimana terkandung di dalam Akta Dadah Berbahaya (Pindaan 1976).

Menurut seksyen 25(A) Akta Pindaan tersebut seseorang Pegawai Polis yang tidak bawah daripada pangkat Inspektor boleh menghendaki seseorang yang disyaki menjadi penagih dadah supaya diperiksa atau diperhatikan oleh pegawai perubatan di sesuatu pusat penentuan penagih dadah. Begitu juga di bawah seksyen 25(K) Akta Pindaan yang sama, seseorang Pegawai Polis boleh menangkap penagih dadah yang telah dibebaskan dan sedang menjalankan penjagaan kemudian (after-care) jika penagih dadah tersebut melanggar syarat-syarat perintah jagaan itu. Pindaan-pindaan yang disebutkan ini belum lagi berkuatkuasa oleh kerana ada cadangan untuk mengemaskan dan memperbaiki lagi peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang tersebut.

## LAWATAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN KE EROPAH

**24. Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada kunjungannya ke Eropah baru-baru ini untuk memajukan perdagangan telah beroleh kejayaan. Jika ya, berikan butir-butir tentang banyaknya pelaburan yang akan diterima oleh negara kita hasil daripada pelancaran perdagangan tersebut.

## Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat):

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah Persidangan ASEAN — EBIC dan EEC mengenai kerjasama Perindustrian yang telah berlangsung di Brussels pada awal bulan April tahun ini. Tujuan persidangan ini diadakan seperti berikut:

- (a) Untuk memaklumkan kepada EEC tentang betapa pentingnya ASEAN dari segi politik dan ekonomi dan faedah-faedah kerjasama ekonomi di antara ASEAN dan EEC.
- (b) Untuk mengukuhkan perhubungan di antara usahawan-usahawan dan ketua-ketua kewangan ASEAN dan rakan sejawat mereka (counterparts) di EEC.
- (c) Di mana boleh, untuk menggalak dan menyelesaikan projek-projek pelaburan usahasama.

Kesemuanya, lebih kurang 450 para peserta telah menghadiri persidangan ini, iaitu 100 daripada negara-negara ASEAN dan yang bakinya daripada EEC. Daripada 350 para peserta EEC, 300 adalah usahawan dan 50 ahli-ahli bank. Semasa Persidangan ini ahli-ahli Rombongan Malaysia (yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan dan juga ahli-ahli dari pihak swasta) telah mengadakan 18 perjumpaan-perjumpaan dengan para peserta EEC yang berminat dalam kumpulan-kumpulan industri seperti berikut:—

- (a) Perusahaan berasaskan kayu-kayuan;
- (b) Keluaran kaus (hosiery);
- (c) Alat-alat dapur, mesin dan komponen-komponen letrik;
- (d) Alat-alat laut letronik;
- (e) Minyak sawit dan keluaran-keluaran berasaskan kelapa sawit;
- (f) Keluaran-keluaran berasaskan pasir dan tanah liat;

Bagi kumpulan (a) dan (b) yang tersebut tadi, terdapat usahawan-usahawan Eropah

yang berminat untuk mengkaji kemungkinan melabur modal di Malaysia. Yang lain-lainnya adalah merupakan pertanyaan-pertanyaan daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk membekalkan mesin-mesin dan kepakaran teknik.

Sungguhpun demikian, Persidangan ini telah memberi faedah kepada Malaysia dari segi publisiti yang diberikan di Eropah. Persidangan ini juga memberi peluang kepada sebilangan besar wakil-wakil sektor swasta dari rantau ASEAN, termasuk Malaysia untuk berjumpa bukan sahaja sesama mereka tetapi juga untuk menemui ahli-ahli niaga Eropah untuk bertukar pendapat dan mengukuhkan perhubungan.

#### KEWARGANEGARAAN DI SABAH

**25. Datuk Peter Lim Pui Ho** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah permohonan bagi kewarganegaraan di Sabah dan samada beliau sedar bahawa ada setengah-setengah pemohon-pemohon dari keturunan China yang menuntut kewarganegaraan kerana tersalah masuk atau ejaan dalam sijil beranak mereka dan permohonan mereka tida dapati diproses selama beberapa tahun tanpa sebarang keputusan.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diterima dari Sabah oleh Pusat Pendaftaran Negara mulai dari bulan Julai, 1964 hingga 25hb. Mei, 1977 adalah sebanyak 44,952. Dan dalam tempoh yang sama jumlah 41,237 permohonan telah diluluskan dan dikeluarkan sijil kewarganegaraan.

Soalan Yang Berhormat mengenai setengah permohonan dari keturunan China yang menuntut kewarganegaraan kerana tersalah masuk atau ejaan dalam sijil beranak mereka dan permohonan mereka tidak dapat diproses selama beberapa tahun tanpa sebarang keputusan, nampaknya tidak begitu jelas. Sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Yang Ber-

hormat itu mengenai mereka yang memohon kewarganegaraan dengan mengemukakan sijil beranak yang tersalah masuk atau tersalah ejaan maka masalah ini tidak timbul oleh kerana Pejabat-pejabat Wakil Pendaftaran tidak akan menerima sebarang permohonan seperti itu. Sebaliknya pemohon-pemohon akan dinasihatkan supaya membetulkan kesilapan dalam sijil beranaknya itu terlebih dahulu sebelum permohonan diterima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan dengan pertanyaan No: 26 ini, dukacita dinyatakan bahawa pertanyaan ini terlepas daripada pandangan saya sewaktu saya menyemak pertanyaan-pertanyaan yang diterima dahulu, beratus-ratus. Peraturan Mesyuarat 23(1)(a) menyatakan di dalam satu-satu pertanyaan itu tidak boleh dimasukkan nama seseorang atau kata-kata yang sebenarnya tidak mustahak bagi menerangkan maksud keterangan itu. Jadi umumnya pertanyaan No. 26 ini hendak menerangkan maksudnya tidaklah payah disebutkan nama-namanya. Saya harap bila Menteri menjawab, tidak payahlah sebutkan nama-nama mereka. Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

#### FILEM-FILEM MELAYU

**26. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa penayangan filem-filem Melayu melalui Talivisyen Malaysia adalah sangat berkurangan dan jika ya, adakah Kementerian yang berkenaan bercadang mengatasi masalah ini dengan menyangkan filem-filem yang telah dikeluarkan di Malaysia yang dibintangi oleh Allahyarham P. Ramlee, Jins Shamsuddin dan Ahmah Mahmud dan berapa banyak filem-filem yang telah dilakukan oleh bintang-bintang ini.

**Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd Isa):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin merujuk beliau kepada jawapan bagi soalan Ahli Yang

Berhormat itu di Dewan ini pada 6hb April, 1977 yang lalu iaitu atas soalan yang sama.

### KEWARGANEGARAAN DI SARAWAK

**27. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pemohon-pemohon yang memohon kewarganegaraan Malaysia dari tahun 1969 hingga 1976 di Sarawak dan bilangan sijil kewarganegaraan yang telah dikeluarkan.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan permohonan kewarganegaraan Malaysia yang diterima di seluruh Pejabat-pejabat Pendaftaran di Sarawak dari tahun 1968 sehingga 31hb. Disember, 1976 berjumlah 6,037 orang dan bilangan sijil kewarganegaraan yang telah dikeluarkan dalam tempuh yang sama ilaha berjumlah 4,036 orang.

### HOSPITAL UNIVERSITI — BAYI BERTUKAR

**28. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha atau tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengelakkan kejadian bertukar bayi selepas bersalin di hospital-hospital seperti yang berlaku di Hospital Universiti Petaling Jaya baru-baru ini.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang saya sedar, di hospital-hospital di bawah Kementerian saya, tidak pernah terdapat kes di mana bayi yang baru dilahirkan telah tertukar. Masalah seumpama itu tidak akan berlaku di hospital-hospital kita kerana kita menggunakan sistem membubuh tanda plastik pipih dan bulan yang sama rupa dan diberi nombor yang sama di tangan kedua-dua ibu dan bayi atau bayi-bayinya sebaik-baik sahaja bayi atau bayi-bayi itu dilahir dan ditunjukkan kepada ibunya. Kes seorang bayi yang dikatakan telah ter-

tukar di Hospital Universiti baru-baru ini telah dijawab oleh sahabat saya Timbalan Menteri Pelajaran baharu-baharu ini di Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan telah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 29 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).*

### JALAN-JALAN DI JINJANG/KEPONG

**29. Dr. Tan Chee Khoo** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Kementerian beliau bermaksud hendak memperbaiki dan mengetarkan jalan-jalan di dalam kampung-kampung di kawasan Kepong sambil mengadakan lampu-lampu jalan yang memuaskan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr. Ling Liong Sik):** Kementerian ini tidak ada apa-apa cadangan membaiki jalan-jalan di Jinjang Selatan, Sentul dan Kepong. Juga tidak ada cadangan untuk mengadakan lampu-lampu jalan bagi kawasan-kawasan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, wang sebanyak \$207,000 telah dibelanjakan untuk membina beberapa batang jalan di Jinjang Utara pada tahun 1974/1975, dan pada tahun ini, dengan peruntukan sebanyak \$100,000 yang diadakan oleh Kementerian Perumahan dan Kemajuan Kampung, beberapa batang jalan sedang dibina di Jinjang Utara.

Kementerian ini berpendapat bahawa perbelanjaan yang cukup telah dibelanjakan bagi kawasan Jinjang/Kepong dan adalah difikirkan tidak wajar untuk mengeluarkan perbelanjaan lagi bagi kawasan tersebut.

### PILIHANRAYA UMUM

**30. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh** minta Perdana Menteri menyatakan:—

- (a) samada beliau bercadang hendak mengadakan Pilihanraya Umum pada tahun 1978 sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri semasa melawat Sarawak;
- (b) bagaimanakah kedudukan Dewan Negeri Sabah dan samada akan dibubarkan bersama-sama dengan Dewan Negeri lain di seluruh Negara; dan
- (c) sekiranya Dewan Negeri Sabah tidak dibubarkan, tidaklah ini akan menjejaskan keutuhan Barisan Nasional dan perpaduan Negara.

**Perdana Menteri** bagi menjawab soalan (a), menurut Perlembagaan, Kerajaan yang ada ini boleh diteruskan sehingga bulan Ogos 1979. Samada Pilihanraya Umum akan diadakan sebelum tarikh itu, tidaklah dapat saya nyatakan.

Berkenaan dengan soalan (b), Kerajaan Negeri Sabah yang ada ini, menurut Perlembagaan, boleh diteruskan sehingga bulan April 1981. Samada Dewan Undangan Negeri itu akan dibubarkan sebelum tarikh itu, terpuanglah kepada kerajaan negeri itu.

Berkenaan dengan soalan (c), soalan ini adalah meminta jawapan dalam perkara yang dimisal-misalkan (obtaining an answer to a hypothetical proposition), ataupun bertujuan hendak mendapat buah fikiran (obtaining an expression of opinion), menurut Peraturan 23(2)(h) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan ini. Oleh yang demikian, saya dukacita tidaklah dapat menjawabnya.

### PEMEGANG LESEN TUMPANGAN SEMENTARA (TOL)

**31. Dr. Tan Chee Khoon** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah

menyatakan:—

- (i) bilangan penduduk-penduduk yang mempunyai Lesen Menduduki Sementara (LMS) di kawasan Kepong, Wilayah Persekutuan dan di seluruh Negara pada amnya;
- (ii) dasar Kerajaan tentang pembangunan semula di kawasan-kawasan yang dimastautin oleh penduduk-penduduk yang memperoleh LMS; dan
- (iii) bolehkah mereka diberi keutamaan apabila rancangan pembangunan dirancangkan di kawasan tersebut.

**Tuan Haji Embong bin Yahya:**

- (i) Bilangan penduduk-penduduk yang mempunyai Lesen Menduduki Sementara (LMS) di kawasan Kepong berjumlah 173, di Wilayah Persekutuan berjumlah 115,342. Pecahan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:—

1. Kedah	3,929
2. Penang	3,374
3. Perak	36,361
4. Sarawak	638
5. Selangor	13,963
6. Melaka	514
7. Sabah	Tiada
8. Negeri Sembilan	7,615
9. Trengganu	9,439
10. Wilayah Persekutuan	1,169
11. Perlis	6,975
12. Pahang	11,575
13. Kelantan	4,545
14. Johor	15,072

- (ii) Majlis Tanah Negara berkuasa untuk membuat Dasar-dasar tentang pentadbiran tanah. Kerajaan-kerajaan Negeri pula berkuasa tentang tanah-tanah di dalam negeri masing-masing. Pada masa ini Majlis Tanah Negara belum lagi membuat apa-apa Dasar berkenaan pembangunan semula kawasan pemegang-pemegang L.T.S. dan masa depan mereka. Kerajaan-kerajaan

negeri menggunakan budibicara masing-masing dan mengadakan peraturan-peraturan sendiri, untuk pemegang-pemegang Lesen Tumpangan Sementara.

- (iii) Kementerian saya sedar ramai jumlah rakyat negara ini yang menduduki tanah Kerajaan dengan Lesen Tumpangan Sementara. Kementerian saya juga sedang menerima dan menyusun maklumat-maklumat penting daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Satu dasar yang munasabah dan dapat menyelesaikan masalah semasa, akan dikemukakan untuk pertimbangan Majlis Tanah Negara berkenaan hal ini, dalam kadar masa yang sesuai.

#### STESYEN PEMANCAR TV

**32. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bilakah pembinaan alat-alat pemancar TV bagi kawasan Balik Pulau dijangka siap dan dapat digunakan; dan
- (b) berapakah kos perbelanjaan pembinaan itu.

**Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut jadual projek pada masa ini, stesyen pemancar TV di Balik Pulau dijangka dapat digunakan pada bulan Disember 1978.
- (b) Perbelanjaan untuk pembinaan stesyen tersebut telah dianggarkan sebanyak \$2 juta ringgit.

#### MINYAK DIESEL

**33. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa baru-baru ini orangramai di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia mendapati sukar untuk mendapatkan minyak die-

sel di stesyen-stesyen minyak. Jika benar apakah sebab-sebabnya dan jika angkaranya berpunca dari pengedar-pengedar di stesyen-stesyen minyak, apakah tindakan yang telah diambil ke atas pengedar-pengedar itu dan adakah apa-apa cadangan untuk menaikkan harga minyak diesel.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Saya sedar masaalah kekurangan bekalan minyak diesel yang berlaku di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia baru-baru ini telah mendatangkan kesulitan kepada orangramai. Dari siasatan yang dibuat telah didapati bahawa kekurangan tersebut adalah disebabkan oleh gangguan penghantaran bekalan minyak oleh dua buah syarikat minyak tempatan melalui bot-bot dari kilang penapis di Singapura dan Port Dickson pada bulan April, 1977 yang lalu. Gangguan tersebut telah menyebabkan kehabisan bekalan minyak diesel di depoh-depoh syarikat-syarikat minyak berkenaan di negeri-negeri Pantai Timur dan seterusnya kekurangan telah berlaku di stesyen-stesyen minyak di negeri-negeri tersebut.

Walau bagaimanapun, kekurangan bekalan telah dapat direngankan dengan kerjasama syarikat-syarikat lain yang telah diarahkan meminjam bekalan tambahan kepada syarikat-syarikat yang mengalami kekurangan. Hasil siasatan juga telah menunjukkan bahawa masaalah bekalan minyak diesel bukanlah meliputi semua stesyen-stesyen minyak kerana ada di antara mereka yang sentiasa mempunyai bekalan yang cukup dalam masa tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengedar-pengedar minyak diesel, khususnya stesyen-stesyen minyak telah dikenakan syarat di bawah kuatkuasa Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan, 1974, Akta Kawalan Bekalan 1961 supaya menentukan bekalan minyak diesel yang mencukupi dan tidak terputus kepada pengguna-pengguna.

Mengenai permohonan kenaikan harga minyak diesel oleh syarikat-syarikat minyak, ianya masih sedang dikaji dengan lebih mendalam oleh Kerajaan bagi menentukan ianya

tidak akan mendatangkan kesan-kesan yang buruk kepada pengguna-pengguna dan juga kepada perkembangan pelaburan dan perindustrian di negara ini.

### GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN BELIA

**34. Tuan A.K. Aliuddin** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan sedang dibuat oleh Kementerian ini bagi merapatkan lagi hubungan antara belia-belia Semenanjung dengan belia-belia Negeri Sabah.

**Dr. Neo Yee Pan:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menjalankan berbagai-bagai usaha untuk merapatkan hubungan antara belia-belia Semenanjung dengan belia-belia negeri Sabah. Segala program-program yang dijalankan oleh Kementerian adalah digalakkan penyertaan daripada belia-belia Sabah. Antara usaha-usaha yang dibuat ialah:—

- i. Penggabungan persatuan-persatuan belia di Sabah dalam Majlis Belia Malaysia. Ini membolehkan penyertaan pemimpin-pemimpin belia dari Sabah dalam satu majlis bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin belia dari Semenanjung serta mengikuti berbagai-bagai rancangan yang dianjurkan oleh majlis tersebut.
- ii. Menggalakkan penyertaan belia-belia Sabah dalam rancangan-rancangan ekonomi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Umpamanya Koperasi Belia Sabah adalah juga menjadi ahli Koperasi Belia Nasional (KO-BENA).
- iii. Menggalakkan penyertaan belia Sabah di dalam rancangan-rancangan latihan yang dianjurkan di Semenanjung seperti yang terdapat di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pusat Latihan Belia Negara Pertak dan di Sekolah Latihan Semangat, Lumut.

iv. Menganjurkan rancangan Pertukaran Belia untuk Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Program pertukaran belia ini telah dijalankan sejak tahun 1974. Setakat ini bilangan rombongan pertukaran belia yang telah diadakan berjumlah 4 dan melibatkan 320 pemimpin-pemimpin belia.

v. Mengambil penyertaan belia-belia Sabah dalam Rancangan-Rancangan Pertukaran Belia Malaysia dengan negara-negara asing seperti Kanada, Negara-negara Asean dan Jepun serta Filipina.

vi. Di samping itu belia-belia Sabah juga menyertai Rancangan Pertukaran Belia di bawah Rancangan Projek Belia Peladang.

### KEGELINCIRAN KERETAPI

**35. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar** bertanya kepada Menteri Perhubungan adakah kegelinciran keretapi pada masa ini yang didapati kerap sangat berlaku akibat dari sabotaj dari pekerja-pekerja keretapi oleh kerana memandangkan Pengurus Besarnya yang ada sekarang ini sangat-sangat didikasi atas tugas yang dijalankan, kiranya benar ada sabotaj, siapakah yang membuat angkara sabotaj ini dan sudakah dilaporkan kepada pihak yang tertentu supaya perkara ini dapat dikesan dan tidak berlaku berpanjangan.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Buat masa ini belum ada bukti-bukti yang menunjukkan kegelinciran-kegelinciran yang kerap berlaku sekarang disebabkan oleh sabotaj dari pekerja-pekerja keretapi. Sungguhpun demikian, bukti-bukti menunjukkan kelalaian manusia menjaga dan memasang kelengkapan-kelengkapan yang bergerak memang ada dijumpai dalam penyiasatan-penyiasatan tersebut.

### TERNAKAN DISEBABKAN KURANG REZAB PADANG RAGUTAN

**36. Tuan Lukman bin Abdul Kadir** minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar oleh sebab kemajuan pertanian sekarang maka penduduk-penduduk kampung sedang menghadapi kesukaran memelihara binatang-binatang ternakan mereka disebabkan kurangnya kawasan rezab padang ragutan. Kalau sedar, apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi perkara ini.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Sedar. Masaalah ini biasanya dialami di kawasan-kawasan tanaman padi dua kali setahun. Di kawasan-kawasan lain yang bukan tanaman padi dua kali setahun, pemeliharaan ternakan masih boleh dijalankan tanpa menghadapi masaalah kekurangan kawasan padang ragut.

Di kawasan-kawasan tanaman padi dua kali setahun, ternakan masih boleh juga terus dijalankan dengan menukarkan cara berternak iaitu dari cara extensif kepada cara intensif, di mana ternakan-ternakan diberi makan rumput yang ditanam dan dipotong.

Mengenai rezab padang ragut yang ada di Semenanjung Malaysia, sebahagian besar daripada kawasan itu tidak begitu sesuai kerana terlalu jauh dari tempat kediaman penternak-penternak atau keadaan kawasan itu berbukit-bukit. Kerajaan sedang berikhtiar mencari kawasan-kawasan baru yang lebih sesuai untuk ditanam dengan rumput-rumpai dan dijadikan padang ragut.

Selain dari itu, penternak-penternak adalah digalakkan menanam rumput-rumpai yang sesuai ditanam-tanam mereka sendiri. Kerajaan akan memberi beberapa jenis bantuan seperti benih rumput, baja dan pagar.

### PENGAMBILAN REKRUT-REKRUT

**37. Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan

kempen pengambilan rekrut-rekrut dijalankan oleh Pasukan Polis dalam tahun 1976, jumlah bilangan permohonan yang diterima, jumlah pemohon yang dipanggil temuduga, bilangan yang diambil dan komposisi mengikut kaum.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Dalam tahun 1976 sebanyak 3 kali urusan pengambilan telah dijalankan:

- (a) Pengambilan Inspekter Percubaan lelaki telah diiklankan pada 7.1.1976;
- (b) Pengambilan Konstabal Lelaki telah diiklankan pada 7.1.1976;
- (c) Pengambilan Konstabal Wanita telah diiklankan pada 14.6.1976.

Semua urusan temuduga telah selesai dijalankan kecuali pengambilan jawatan Kedet Penolong Penguasa Polis masih lagi dalam kelolaan dan urusan Pengambilan akan dijalankan dalam tahun ini (pengambilan Kedet Penolong Penguasa Polis Lelaki telah diiklankan pada 13.8.1975).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bukanlah menjadi dasar Kerajaan mengambil anggota-anggota Polis untuk berkhidmat dengan Kerajaan berdasarkan Ras atau kaum.

Pengambilan untuk berkhidmat ke dalam Pasukan Polis di Raja Malaysia adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mempunyai syarat-syarat yang telah ditentukan.

Di bawah diperturunkan jumlah permohonan yang diterima, jumlah permohonan yang telah dipanggil temuduga dan bilangan yang berjaya mengikut jawatan yang dipohon.

#### (a) JAWATAN KEDET PENOLONG PENGUSAHA POLIS

Jumlah Yang memohon	Jumlah Yang dipanggil T/duga	Jumlah yang diambil	Jawatan- Jawatan yang kosong
157	140	Belum di- uruskan lagi	1034

**(b) JAWATAN INSPEKTER PERCUBAAN LELAKI**

Jumlah yang memohon	Jumlah yang dipanggil T/duga	Jumlah yang diambil	Jawatan-jawatan yang kosong
3929	2397	570	1321

**(c) JAWATAN KONSTABAL LELAKI**

Jumlah yang memohon	Jumlah yang dipanggil T/duga	Jumlah yang diambil	Jawatan-jawatan yang kosong
17698	10012	2643	

**(d) JAWATAN KONSTABAL WANITA**

Jumlah yang memohon	Jumlah yang dipanggil T/duga	Jumlah yang diambil	Jumlah yang kosong
3729	1480	208	11821

**RUKUN TETANGGA**

**38. Tuan Chin Hon Ngian** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang untuk memberi latihan asas ketenteraan atau latihan mempertahankan diri kepada anggota-anggota Rukun Tetangga memandangkan kepada bahaya-bahaya mereka hadapi semasa menjalankan tugas-tugas, seperti kemalangan yang telah menyebabkan kematian kepada seorang anggota Jawatan-kuasa di sektor Rukun Tetangga Sungai Besi.

- (a) bolehkah Kerajaan juga menimbang-kan supaya melengkapkan anggota-anggota Rukun Tetangga dengan senjata-senjata untuk menghadapi baha-ya-bahaya ini dan juga menentang anasir-anasir subversif seperti yang dibekalkan kepada anggota-anggota pasukan RELA, jika tidak, mengapa; dan
- (b) memandangkan bahaya-bahaya yang mungkin dialami oleh anggota-anggota Rukun Tetangga yang melaksanakan tugas-tugas itu mendapat kecederaan atau kematian, adakah Kerajaan akan meliputi insuran kepada mereka untuk menjamin supaya mereka atau keluarga mereka akan menikmati faedah-faedah secukup-cukupnya jika mereka menemui sebarang kemalangan-kemalangan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Kerajaan belum lagi memikirkan untuk memberi latihan asas ketenteraan atau latihan mempertahankan diri ataupun membekalkan senjata kepada ahli Rukun Tetangga semasa menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga, oleh kerana tingkatan ancaman yang wujud sekarang tidak lagi memerlukan tindakan sedemikian. Sumbangan penting yang dihajati dari anggota Rukun Tetangga ialah penglibatan pengawasan dan memberi maklumat mengenai kegiatan-kegiatan musuh negara kepada pihak berkuasa supaya keselamatan negara dapat dikawal dan dipelihara.

Mengenai soalan (b), sekiranya terdapat seorang pemastautin berkelayakan yang menjalankan tugas Rukun Tetangga mendapat kemalangan, Kerajaan akan memberi pampasan kepadanya atau kepada tanggungannya. Syarat-syarat dan cara-cara untuk membayar atau membuat tuntutan pampasan adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Keselamatan Dalam Negeri Pampasan Bencana Orang-orang Awam, 1960. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk meli-puti insuran kepada mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran pampasan yang bernilai sepuluh ribu ringgit (\$10,000) telahpun disampaikan kepada balu mendiang Encik Cheng Khen How, seorang anggota Rukun Tetangga sektor Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur yang telah gugur semasa menjalankan tugas Rukun Tetangga.

**PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA/NEW ZEALAND**

**39. Tuan Mak Hon Kam** minta Menteri Pelajar menyatakan jumlah bilangan pelajar Malaysia yang belajar di Australia dan New Zealand sekarang, sila memberi butir-butir mengikut kategori-kategori seperti berikut:—

- (i) kejururawatan;
- (ii) matriculasi (matriculation);

- (iii) kursus-kursus diploma;
- (iv) kursus-kursus ijazah; dan
- (v) kursus-kursus setelah memperoleh ijazah dan lain-lainnya.

**Tuan Chan Siang Sun:** Kementerian Pelajaran belum ada mengumpulkan statistik-statistik yang memberi bilangan dan data yang sebenar tentang semua pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di dalam semua negara di seberang laut. Bagaimanapun suatu Pusat Pengurusan Maklumat Pelajar-Pelajar telah ditubuhkan dalam tahun ini di Bahagian Pelajaran Tinggi di Kementerian Pelajaran dan tugas Pusat ini ialah mengumpulkan angka-angka dan data semua pelajar-pelajar Malaysia yang berada dalam dan di luar negeri, dan angka-angka yang dikumpulkan nanti bolehlah dipecahkan mengikut kursus-kursus atau kaum dan sebagainya.

Dengan yang demikian, sekarang ini saya dukacita tidak dapat memberi angka-angka pelajar-pelajar Malaysia mengikut pecahan-pecahan kursus seperti yang dipinta oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### SEWA HDA/RUMAH MURAH

**40. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang untuk mengurangkan sewa HDA/Rumah Murah Dewan Bandaraya di Cheras dari \$80 kepada \$60 memandangkan bahawa kebanyakan penghuninya mendapati sukar untuk membayar sewa sebanyak \$80 selain daripada membayar bil-bil air dan letrik.

**Dr. Ling Liong Sik:** Bayaran sewa \$80 yang telah ditetapkan oleh Dewan Bandaraya terhadap penyewa-penyewa HDA/Rumah Murah Dewan Bandaraya di Cheras, adalah diparas sewa "break-even" tanpa membuat apa-apa keuntungan. Angka bayaran sewa ini adalah dikira berdasarkan kepada bayaran semula pinjaman, kos pentadbiran dan perkhidmatan

dan juga kos penyelenggaraan.

Dewan Bandaraya tidak berupaya untuk menurunkan sewa tersebut ke paras yang lebih rendah kerana ini akan menjejaskan kedudukan kewangan, dan tidak dapat menanggung subsidi tambahan yang besar jumlahnya.

#### INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

**41. Tuan Loh Fook Yen** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil supaya menjamin bahawa keanggotaan Lembaga Pengelola institusi-institusi pelajaran tinggi membayangkan komposisi kaum dalam negara ini.

**Tuan Chan Siang Sun:** Institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini seperti Universiti-universiti, Instituti Teknologi MARA dan Kolej Tunku Abdul Rahman adalah ditadbirkan oleh badan yang dipanggil "Majlis", sementara itu Politeknik Ungku Omar pula ditadbirkan oleh badan yang dipanggil "Lembaga Pengelola". Keanggotaan Majlis dan Lembaga Pengelola ini bukanlah diasaskan menurut komposisi kaum tertentu tetapi adalah menurut perwakilan yang dicalunkan dari wakil-wakil yang dipilih oleh agensi-agensi Kerajaan, pihak berkuasa, Menteri, Yang di-Pertuan Agong dan pihak-pihak yang tertentu sebagaimana ditetapkan di dalam Akta dan Suratcara mengenai keahlian Majlis/Lembaga Pengelola Institusi-institusi yang berkenaan. Namun begitu, keahlian Majlis dan Lembaga Pengelola ini adalah terdiri dari berbagai kaum.

#### RASUAH PEMBELIAN KAPALTERBANG NORTHROP

**42. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada tindakan telah diambil oleh pihak Biro Siasatan Negara ke atas mereka yang terlibat dengan penjualan kapalterbang "Northrop" itu. Jika sedar adakah keputusan pengadilan

dikenakan dan kenapakah perkara ini mengambil masa yang begitu lama.

**Tuan Rais Yatim:** Biro Siasatan Negara telah selesai menjalankan siasatan atas toman rasuah dalam pembelian Kapal Terbang daripada Northrop. Kelewatan membuat tangkapan adalah disebabkan oleh beberapa perkembangan baru yang berkehendakan kajian teliti seterusnya.

Walau bagaimanapun, tangkapan akan dibuat setelah penelitian atas perkembangan baru itu selesai kelak.

### SEKOLAH RENDAH CHINA DI PETALING JAYA

**43. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat apa-apa peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina sebuah sekolah rendah aliran China di Petaling Jaya. Jika tidak, mengapa.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tidak terdapat sebarang peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina Sekolah Rendah aliran China di Petaling Jaya kerana pada pendapat Kementerian sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) yang ada di Petaling Jaya dan disekitarnya seperti:

1. SRJK (C) Chen Moh, Seksyen 2, Petaling Jaya.
2. SRJK (C) Sungai Way, Kg. Baru.
3. SRJK (C) Kg. Cempaka, Sungai Way.
4. SRJK (C) Yuk Chyun, Batu 6, Petaling.

adalah mencukupi, untuk menampung keperluan murid-murid baru yang ingin ke sekolah jenis tersebut.

### PENDAFTARAN PEMILIH-PEMILIH

**44. Dr. Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menga-

dakan pendaftaran pengundi-pengundi sepanjang tahun memandangkan dengan sistem sekarang di mana pendaftaran pengundi-pengundi dijalankan dalam jangka masa singkat selama sebulan dengan publisiti yang kurang mencukupi beribu-ribu pengundi yang layak telah dan akan terus dinafikan hak asasi mereka untuk mendaftarkan diri mereka sebagai seorang pengundi dan untuk memilih sebuah Kerajaan yang mereka kehendaki.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Sebagaimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, soal samada pendaftaran pemilih-pemilih patut berjalan sepanjang tahun telah dibangkitkan di Dewan ini dalam persidangan ini juga, apabila usul mengenai Suruhanjaya Pilihanraya dibahas pada 11hb Julai, 1977. Sepertimana yang telah saya terangkan pada waktu itu, suruhanjaya Pilihanraya tidak ada rancangan untuk menukarkan sistem yang ada sekarang, di mana ianya membuat urusan pendaftaran pemilih-pemilih untuk jangkamasa yang ditetapkan pada satu-satu masa.

### KEGELINCIRAN KERETAPI

**45. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perhubungan menyatakan:—

- (a) berapa kali kejadian keretapi tergelincir daripada landasan telah berlaku sejak awal tahun ini dan mengapakah banyak sekali kejadian keretapi tergelincir daripada landasan telah berlaku:
- (b) adakah beliau sedar bahawa kejadian keretapi tergelincir daripada landasan yang berlaku kerap kali telah melemahkan keyakinan orang ramai, dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurangkan kejadian seperti itu; dan
- (c) berapakah anggaran kerugian yang disebabkan oleh kejadian keretapi tergelincir pada masa yang lalu, dan apakah yang sedang dibuat untuk mendapat balik kerugian ini dari bidang lain dalam perkhidmatan keretapi kita.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Bagi soalan-soalan (a) dan (b), saya telah pun menjawabnya pada 15hb Julai 1977 di dalam Dewan ini.

(c) Anggaran perbelanjaan langsung (Direct Cost) yang disebabkan oleh kegelinciran kerepapi sehingga bulan Mei 1977 ialah \$290,932.98. Di antara usaha-usaha yang sedang dibuat untuk mendapatkan balik kerugian itu ialah dengan cara berusaha bersungguh-sungguh untuk menarik sebanyak-banyaknya terafik menggunakan keretapi di samping mengurangkan perbelanjaan gerakan di mana yang boleh.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN TIMAH (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.38 *ptg.*

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Kawalan (Pindaan) Timah, 1977 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah dengan tujuan untuk memberi kuasa yang lebih luas kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas bijih timah untuk mencegah mengawal dan menghapuskan kegiatan-kegiatan penyeludupan bijih timah ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa eksport timah telah memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan ekonomi negara kita. Di dalam tahun 1976 sahaja pendapatan eksport dari timah ialah sebanyak \$1,526.5 juta berbanding dengan \$1,206.1 juta bagi tahun 1975. Dalam pada itu, hasil negara daripada

kutipan cukai eksport dan cukai tokok eksport yang menghasilkan sebanyak \$292.1 juta bagi tahun 1976 berbanding dengan \$185.3 juta dalam tahun 1975.

Dalam beberapa tahun ini terutama sekali mulai tahun 1976 harga timah di pasaran dunia mulai melambong naik dan dengan itu telah berlaku kegiatan-kegiatan penyeludupan bijih timah keluar negeri untuk mengelakkan daripada bayaran cukai kepada Kerajaan. Dengan adanya penyeludupan itu, Malaysia sebagai ahli dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Kelima tidak dapat melaksanakan tanggungjawab di bawah Perjanjian itu dengan sepenuhnya untuk memberi perangkaan-perangkaan eksport, pengeluaran, setok timah dan lain-lain seperti yang dikehendaki di bawah Perjanjian itu. Ini adalah bertentangan dengan objektif utama Perjanjian itu untuk mengujudkan penstabilan harga timah seluruh dunia.

Seperti Dewan sedia maklum bahawa penyeludupan bijih timah adalah berpunca dari harga pasaran yang baik dalam beberapa tahun ini. Harga yang baik bagi timah di pasaran dunia telah memberi insentif kepada penyeludup-penyeludup untuk mengelakkan bayaran cukai eksport dan cukai tokok eksport kepada Kerajaan. Adalah dianggarkan bahawa 5,000 ton bijih timah bernilai sebanyak \$110 hingga \$120 juta diseludup keluar negeri pada tiap-tiap tahun. Berasaskan kepada anggaran ini negara kita adalah ditaksirkan kehilangan hasil negara sebanyak \$30 hingga \$40 juta dalam pengutan cukai dan cukai tokok eksport. Mengikut Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia dalam tahun 1975 Jabatan itu telah berjaya merampas bijih timah yang hendak diseludup bernilai \$69,633 atau 720 pikul dan angka ini telah meningkat dalam tahun 1976 kepada \$1.6 juta atau 1,407 pikul.

Dari angka-angka itu nyatalah bahawa kita terpaksa mengambil tindakan yang keras untuk membenteraskan aktiviti-aktiviti penyeludupan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Ordinan Kawalan Timah, 1954 itu adalah dengan tujuan untuk memberi kuasa yang lebih luas kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas timah supaya dapat mengawal mencegah dan menghapuskan kegiatan-kegiatan penyeludupan bijih timah seperti yang berlaku sekarang ini. Pada ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan itu ialah untuk memberi cengkaman penguatkuasa yang lebih ketat dengan memberi kuasa merampas ke atas bijih timah dan barang-barang yang digunakan bagi penyeludupan itu. Pindaan ini juga akan memberi kuasa untuk mengenakan hukuman yang lebih berat. Di bawah Ordinan Kawalan Timah, 1954 denda yang akan dikenakan adalah tidak melebihi \$5,000 dan di bawah pindaan yang dicadangkan ini pihak Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman denda sebanyak \$50,000 ataupun 10 kali nilai timah ataupun bijih timah yang hendak diseludupan dan hukuman penjara tidak lebih daripada dua tahun. Selain daripada denda dan hukuman penjara itu, pihak Mahkamah juga boleh merampas bijih timah dan barang-barang yang digunakan bagi penyeludupan itu. Dengan adanya hukuman yang berat ini maka Kerajaan berharap akan dapat mencegah dan membenteraskan kegiatan-kegiatan penyeludupan ini.

Satu lagi peruntukan baru yang dimasukkan di dalam pindaan yang dicadangkan ini ialah untuk memberi kuasa kepada Merinyu Galian supaya boleh memberi hadiah-hadiah kepada sesiapa yang memberi maklumat berhubung dengan penyeludupan atau membuat apa-apa kesalahan di bawah Ordinan tersebut. Kuasa ini adalah dianggap sangat perlu untuk memberi insentif kepada orang ramai supaya tampil ke hadapan untuk memberi maklumat dan ini adalah sejajar dengan peruntukan yang terdapat di bawah undang-undang Jabatan Kastam dan Polis.

Tuan Yang di-Pertua, apakala Rang Undang-undang yang dicadangkan ini diluluskan oleh Parlimen, Menteri yang berkuasa atas timah dapat mengadakan peraturan-

peraturan mengikut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya. Peraturan-peraturan ini akan memberi kuasa kepada pegawai kastam, polis dan galian untuk bertindak bagi mengawal dan mencegah penyeludupan bijih timah itu. Dalam hal ini pihak Kementerian saya telahpun menyediakan peraturan-peraturan yang berkenaan itu yang akan dikuatkuasa serentak setelah sahaja Rang Undang-undang Akta Kawalan (Pindaan) Timah, 1977 ini diluluskan. Di bawah peraturan yang akan dikuatkuasa kelak, pegawai-pegawai dari Jabatan Polis, Kastam dan Galian dapat bertindak dan mengadakan koordinasi yang rapi antara agensi-agensi yang berkenaan itu dengan tujuan untuk mencegah dan menghapuskan kegiatan-kegiatan penyeludupan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa aktiviti-aktiviti penyeludupan timah yang berlaku sekarang ini perlu dibenteraskan dengan tujuan untuk menjaga hasil negara dan juga untuk membolehkan negara kita melaksanakan tanggungjawabnya dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Kelima itu maka perlulah Ordinan Kawalan Timah, 1964 ini dipinda seperti yang dicadangkan itu. Dengan adanya pindaan-pindaan itu kawalan yang lebih rapi oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Polis, Jabatan Kastam dan Jabatan Galian dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan. Juga dengan hukuman yang lebih berat ke atas aktiviti-aktiviti penyeludupan itu dan juga dengan sistem pemberian hadiah-hadiah seperti yang dicadangkan itu, Kerajaan berharap akan dapat mengawal, mencegah dan menghapuskan kegiatan-kegiatan penyeludupan ini dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.45 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Teluk Anson):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang diminta

kuasa membolehkan Kerajaan mengadakan penalti-penalti yang lebih berat bagi mereka yang terlibat dalam kegiatan menyeludup keluar timah.

Mengikut Huraian kepada Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Kawalan Timah Tahun 1954 ini, penalti-penalti tersebut termasuklah denda hukuman penjara dan melucutkan hak milik kenderaan dan barang-barang yang dijumpai dalam penyeludupan itu. Memandangkan bahawa pihak Kerajaan telah membentangkan Rang Undang-undang pindaan ini maka bolehlah dikatakan bahawa kegiatan menyeludup keluar timah adalah menjadi-jadi. Rang Undang-undang ini menegaskan bahawa tindakan mestilah diambil untuk mengikat, mengawal dan membasmi kegiatan-kegiatan haram tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya duti yang terlalu tinggi yang dikenakan atas sesuatu barang menggalakkan lebih banyak kegiatan penyeludupan barang-barang berkenaan. Dalam hal ini duty export serta surcharge atau cukai tokok bagi bijih timah sebanyak \$335.00 sepikul hari ini adalah terlalu tinggi apabila harga bijih timah adalah lebih kurang \$1,160.00 sepikul sahaja. Saya percaya Kementerian Perusahaan Utama sedar bahawa banyak lombong-lombong timah jenis gravel pump khususnya di Negeri Perak menghadapi banyak kesulitan memandangkan kos pengeluaran yang terus meningkat naik dan duti yang berat dikenakan. Memandangkan bahawa kegiatan menyeludup keluar bijih timah telah meningkat mungkin masanya telah tiba bagi Kerajaan menimbang untuk mengurangkan duti atas timah. Langkah seperti ini bukan sahaja akan tidak menggalakkan penyeludupan bahkan akan mengurangkan bebanan yang dipikul oleh para pelombong gravel pump dan mungkin juga menyelamatkan mereka dari terpaksa menutup lombong dengan akibat-akibat buruk dari segi ekonomi dan socialnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui bahawa Kerajaan perlu mencari wang untuk membiayai perbelanjaan menguruskan pentadbiran dan pembangunan. Bagaimanapun saya berpendapat cukai janganlah dikenakan mengikut kadar yang tidak dapat dihadapi oleh sesuatu industri. Saya berharap Kerajaan akan menimbang dengan serius untuk mengkaji sekim structure duty bagi timah dengan tujuan mengurangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa kebanyakan daripada timah keluaran Malaysia yang diseludup keluar dibawa ke Singapura. Saya terperanjat mendapati yang kita nampaknya tidak mendapat sebarang bantuan dari Kerajaan Pulau itu untuk menyekat dan menghapuskan kegiatan haram ini.

Berhubung dengan soal-soal keselamatan Kerajaan kita mendapat kerjasama dari pihak polis Singapura. Jika belum diusahakan lagi saya sukalah mengesyorkan supaya Kerajaan kita mengkaji kemungkinan mendapat sedikit-sebanyak bantuan dari Kerajaan negara itu dalam perkara penyeludupan timah ini juga.

Berhubung dengan hadiah-hadiah bagi maklumat mengenai kegiatan haram ini, saya berharap ianya akan hanya diberikan bagi maklumat-maklumat yang berjaya membawa kepada penangkapan serta hukuman oleh mahkamah. Mungkin peruntukan untuk memberi hadiah-hadiah bagi perkhidmatan yang membantu mengesan penyeludupan atau kesalahan terlalu liberal dan tidak akan menimbulkan kesan yang diharapkan.

Akhir sekali, haruslah dinyatakan bahawa usaha penstabilan harga timah dan kenaikan harga lantai dan bumbung operasi stok penimbal melalui Perjanjian timah Antarabangsa Yang Kelima telah membantu mengekalkan keyakinan para pelombong tentang laporan pelaburan mereka di bidang melombong bijih timah. Dalam hal ini Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan Kementeriannya

harus diberikan tahniah kerana terus berusaha untuk menimbulkan kesan-kesan baik yang diharapkan itu. Apatah lagi memandangkan bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri telah memainkan peranan yang begitu penting sekali untuk menyelamatkan perjanjian antarabangsa tersebut dengan mendapat persetujuan Kerajaan Bolivia mengesahkannya tidak lama dahulu.

*3.50 ptg.*

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, saya ikut sama menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Undang-undang Kawalan Timah ini.

Yang menarik perhatian saya, ialah yang pertama sekali Rang Undang-undang ini baru dibawa ke Parlimen ini sedangkan masalah membawa lari timah keluar negeri ataupun dibawa lericukai timah ini sudah lama terjadi dan dibesar-besarkan di dalam akhbar-akhbar. Walau bagaimanapun, saya rasa amat terperanjat dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang menyatakan bahawa Kerajaan kita telah kehilangan di antara \$30 juta hingga \$40 juta setahun. Ini bagi saya adalah satu kehilangan yang besar. Kalaulah Kementerian yang berkenaan menyedari bahawa negara kita telah kehilangan kewangan yang sepatutnya didapati daripada pungutan cukai yang dibawa lari yang berjumlah lebihkurang 5,000 tan setahun itu, ini adalah satu perkara yang amat malang kepada negara kita. Oleh yang demikian, saya bersetuju benarlah Rang Undang-undang ini dibawa dan hendak diluluskan pada hari ini.

Di antara lain maksud Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk membuat peraturan-peraturan bagi dijalankan. Cuma kepada kita peraturan-peraturan tambahan yang hendak diberi kuasa kepada pihak Polis dan Kastam itu saya tidak tahulah apakah peraturan-peraturan itu dibuat dan sejauh manakah kemasnya peraturan-peraturan itu dibuat sebab kita tidak

dapat mendengar penerangan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Pada hemat saya sepatutnya dapatlah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi sedikit penerangan yang lebih lengkap apabila membentangkan Rang Undang-undang ini bagi maksud dan tujuan kita dapat mengikuti sama sejauh manakah peraturan bagi memperkemas Undang-undang yang dibawa ini.

Pada pandangan saya patut pihak Kementerian yang berkenaan bukan sahaja dimasukkan di sini peraturan-peraturan untuk memberi denda yang lebih berat umpamanya denda yang tidak lebih daripada \$5,000 ataupun 2 tahun penjara tetapi patut juga Kementerian yang berkenaan dapat menimbang sama peraturan-peraturan yang khusus yang membolehkan Kementerian ini mengambil tindakan kepada orang-orang yang membawa lari ataupun orang-orang yang memberi kerjasama kepada orang yang membawa lari keluar bijih timah ini kalau sekiranya yang memberi kerjasama itu ataupun yang membawa lari itu tuantuan punya lombong sendiri, patut Kementerian ini mengambil tindakan merampas lesen-lesen lombong mereka itu sebab mereka itu telah menunjukkan ketidaksetiaan mereka kepada Kerajaan kita. Jadi kalau berterusan, kita katakanlah pihak Kementerian dari semasa ke semasa membuat peraturan pindaan dikenakan denda tidak lebih daripada \$5,000 hingga \$10,000 umpamanya, tetapi mereka itu dapat menutup kerugian membayar dendanya hasil daripada membawa lari bijih ini dua kali ataupun tiga kali keluar negeri. Tidak mustahil. Tuan Yang di-Pertua, sebijak-bijak pegawai kita mengawal pencuri-pencuri ini ataupun pembawa-pembawa lari cukai ini maka mereka itu mencari jalan lain lagi yang membolehkan mereka itu mengelakkan daripada membayar cukai dan membawa lari. Kalau kita kawal sekalipun sebagaimana keadaan sekarang ini Kerajaan kita mengawal ketat masalah penyeludupan dadah umpamanya, tetapi telah nyata masih ada orang-orang yang menyeludup dadah. Maka begitu juga pada pandangan saya tidak mustahil bahawa walaupun

Kerajaan memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan membuat peraturan-peraturan untuk mengetatkan lagi kawalan-kawalan penyeludupan ini, tetapi pihak penyeludup-penyeludup itu dapat mencari jalan yang lain yang lebih bijak bagi membolehkan mereka itu membawa lari. Tetapi saya fikir kalau sesuatu yang secara tidak langsung memberi kerjasama ataupun mereka itu sendiri membuat kerja melarikan cukai ini kalau Kerajaan mengambil tindakan merampas lombong mereka itu atau merampas lesen-lesen mereka itu, maka sudah tentu mereka itu akan takut untuk melarikan cukai bagi kepentingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apabila Rang Undang-undang ini dibuat dan peraturan-peraturan yang telah disediakan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan itu dapat dijalankan supaya dapat diteliti di masa-masa yang akan datang ini sekiranya kerugian di antara \$30 juta hingga \$40 juta setahun itu tidak menurun, ertinya masih ada jalan kepada penyeludup-penyeludup ini membawa lari bijih-bijih maka hendaklah Kementerian yang berkenaan mencari satu jalan yang lebih kemas, lebih ketat lagi dan kalau mengikut pandangan saya, Kerajaan hendaklah bertindak tegas merampas lesen-lesen mereka itu lesen-lesen lombong ataupun pelombong-pelombong itu daripada mereka itu bekerja mencari makan hasil daripada lombong, sebab ternyata mereka itu tidak berterima kasih kepada Kerajaan, ternyata bahawa mereka ini sangat haluba, sangat tamak untuk mencari kekayaan dengan lebih cepat sedangkan pada fikiran saya Kerajaan telah menentukan hak-hak yang tertentu bagi mengenakan cukai-cukai ini. Sudah tentu mereka tidak akan teranianya. Mereka itu masih boleh membuat kekayaan di dalam negara ini tetapi oleh kerana hendak kaya dengan cepat, mereka sanggup menyeludup timah-timah itu keluar negeri dan sanggup pula melarikan cukai daripada terkena bayar.

3.58 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun menyokong Akta yang dinamakan Akta Kawalan Timah (Pindaan) 1977 dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang mengemukakan Akta ini dan akan diluluskan di dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat dalam lapuran Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu di mana telah ada peruntukan yang sebahagian besarnya untuk Rancangan Malaysia Ketiga yang hasilnya akan didapati daripada sektor perlombongan. Dengan ini bermakna, perlombongan bijih timah memainkan peranan yang penting dan tentulah perkiraan pada ketika itu telah dibuat hasil-hasil pendapatan negara daripada cukai eksport daripada bijih timah ini telah dibuat perkiraan. Memandangkan perkiraan ini telah dibuat dalam anggaran, maka saya tidak bersetuju duti eksport ini hendak dikurangkan bahkan saya rasa kawalan yang lebih ketat ataupun ditambah lagi duti ini demi untuk kepentingan pembangunan negara kita.

Kita semua tahu dalam negara kita pada hari ini yang menjadi multi-millionaire, yang jadi kaya raya ialah taukeh-taukeh lombong, tidak kita daripada bangsa manapun. Saya berharap sikap Kerajaan kita hendaklah lebih tegas bagaimana dapat mengadakan satu sistem supaya hasil daripada perlombongan bijih timah ini tidak dapat diseludupkan keluar daripada negeri kita.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan seperti mengadakan Kastam di assembly plant ataupun di mana-mana sebelum sesuatu benda itu keluar telah ditetapkan cukainya. Jadi apa salahnya pula pihak Kementerian ini menempatkan pegawai-pegawai Kastam ataupun pegawai-pegawai yang berkenaan daripada Kementerian di lombong-lombong itu sendiri supaya apa

hasil dalam minggu dan bulan itu, dari situ perkiraan telah dibuat. Dan saya percaya operator perlombongan ini tidak dapat lari mengeluarkan ataupun menyeludup bijih-bijih. Sekarang ini tidak ada kawalan di Bahagian Perlombongan itu sendiri. Jadi saya minta kawalan dijalankan di kawasan lombong itu sendiri kerana hasil bijih timah yang didapati boleh ditimbangkan di situ juga. Ini satu daripada sistem ataupun cara untuk mencegah penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di negeri ini juga bijih timah yang dikeluarkan daripada dalam negara kita semata-mata untuk diekspotkan. Dan kalau pun hendak digunakan di dalam negeri terlampau sedikit sangat. Jadi untuk mengelak daripada warganegara kita yang tidak mempunyai taat setia yang hendak mencari keuntungan besar menyeludup keluar bijih timah ini apa salah jika Kerajaan kita menggalakkan industri-industri yang boleh menggunakan bijih timah itu sendiri di dalam negara kita.

Kita semua sedar, bahawa sektor perlombongan hendak mengadakan satu perusahaan melombong bijih timah ini memakan masa yang panjang kerana terpaksa membuat kajian dan sebagainya, dan memakan modal yang besar. Saya percaya tentulah keadaan-keadaan ini boleh diselaraskan. Apa yang menjadi kacau pada hari ini yang saya tahun ialah yang menjadi penyeludup ini bukannya daripada syarikat-syarikat yang besar-besar. Iaitu lombong-lombong yang kecil seperti gravel pump dan sebagainya yang jauh yang ada membuat berdekatan dengan kampung-kampung. Orang-orang seperti ini yang menyeludup, bukannya syarikat-syarikat yang besar-besar yang mempunyai nama-nama tertentu.

Kawalan-kawalan ini, saya minta diadakan dan juga saya minta kepada pihak Kerajaan masalah memberi kebenaran kepada orang-orang yang hendak menjalankan lombong ini kalau dapat eloklah diperketatkan lebih kuat lagi. Maklumlah bijih timah ini ialah hasil

dari dalam perut bumi. Saya percaya Kerajaan telah menyediakan satu pandangan yang jauh mengenai masalah minyak iaitu dalam jangka 20-30 tahun yang akan datang hasil minyak dalam negara akan berkurangan dan tentu ini boleh berlaku juga kepada bijih timah kita. Jadi saya minta juga pihak Kementerian mengadakan satu jangka masa supaya kita boleh tahu berapa lamakah hasil bijih timah ini boleh didapati di dalam negara kita. Di dalam jangka (at the rate) kita berjalan sekarang samada kita boleh lagi mendapat hasil dalam tempoh 20-30 tahun yang akan datang seperti keadaan sekarang ini. Sebab maklum sahajalah masalah bijih timah ini serupa juga dengan masalah minyak. Inilah saya minta kepada pihak Kementerian supaya mengadakan sistem jangka panjang dan juga jenis-jenis bahagian lombong yang hendak diluluskan.

Sebagai penutupnya mengenai peraturan kawalan ini, saya minta juga pihak Kementerian bukan sahaja masalah penyeludup, masalah keadaan tanah selepas melombong patut ini juga ditekankan supaya tanah yang telah dilombong, pihak orang yang melombong itu mestilah diratakan balik tanah-tanah itu supaya tidak membahayakan manusia seperti kita lihat pada hari ini banyak kanak-kanak mati — kerana apa? Adanya bekas lombong daripada tanah bijih timah.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong.

*4.05 ptg.*

**Tuan Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi bangun menyokong dan memberikan pandangan-pandangan dan syor-syor yang sangat membina.

Sebelum saya cuba menjawab, inginlah saya menegaskan di sini bahawa Kementerian saya ini mengambil berat terhadap urusan perlombongan khususnya bijih timah. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sektor melombong adalah dijangka memainkan satu peranan

baru dan penting di dalam ekonomi. Baru dalam erti-kata bahawa pembangunan sumber galian hendaklah diselaraskan dengan aspek-rasi dan objektif-objektif negara. Dan penting dalam erti-kata bahawa kekayaan galian negara hendaklah dikekalkan bagi menampung nadi pembangunan negara. Oleh itu, pandangan-pandangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi ialah kita di dalam Kementerian Perusahaan Utama ambil perhatian yang dalam atas sektor perlombongan sungguhpun pada masa hadapan, kita tahu bahawa pengeluaran timah di Malaysia akan berkurangan. Sebab tidak ada deposit-deposit yang terlampau banyak yang dapat dicari dan segala kegiatan cari gali sekarang ada dijalankan dipinggir laut (off shore) tetapi sungguhpun begitu kita akan beri insentif kepada semua pelombong supaya menjalankan lombong-lombong dengan seberapa daya upaya supaya sumber bagi negara kita yang datang daripada bijih timah ini dapat dikekalkan.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson menyentuh mengenai cukai eksport dan cukai tokok eksport atas bijih timah ataupun timah adalah terlampau tinggi. Ini adalah dengan sebab yang mana penyeludupan dapat dijalankan dan saya ingat kalau saya tidak salah faham ini ialah satu beban yang tinggi kepada pelombong-pelombong khususnya pelombong-pelombong gravel pump. Tetapi sebaliknya Ahli Yang Berhormat dari Setapak berkata cukai ini jangan diturunkan sebab sektor perlombongan ini ialah satu sektor yang penting. Perkara ini adalah boleh dikatakan sangat rumit sebab kita pada dasarnya ialah untuk menggalakkan kegiatan-kegiatan dalam perlombongan tetapi kita sedar bahawa kos pengeluaran ini makin lama makin baik sebab bukan sahaja alat-alat dan gaji-gaji naik tetapi pengeluaran daripada tanah itupun telah kurang. Jadi ini boleh dikatakan satu perkara di dalam kajian di antara Kementerian saya dan Perbendaharaan. Dan di sini saya ingat, belum dapat satu keputusan yang muktamad dengan sebab itu, minta maaf saya tidak dapat menerangkan apa-apa yang telah tercapai daripada perundingan di antara

Kementerian saya dan Kementerian Kewangan. Tetapi bagi pihak Kementerian saya boleh dikatakan kita sedar bahawa cukai ini ialah satu beban khususnya kepada pelombong gravel pump. Tetapi kita pun ada ambil langkah-langkah yang lain seperti di dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Kelima, dan baru sahaja kita telah berjaya untuk meninggikan floor price daripada \$1,075 sepikul kepada \$1,200 sepikul dan ceiling price daripada \$1,200 kepada \$1,500.

Sungguhpun kadar yang telah dicapai ini bukan sangat memuaskan tetapi ini bolehlah dikatakan satu peransang kepada lombong-lombong khususnya gravel pump supaya dapat dijalankan dengan berhasil.

Berkenaan dengan perhubungan Kastam antara Malaysia dengan Singapura, memang saya sedar bahawa perhubungan ini boleh dikatakan bukan erat sekali, tetapi kita yakin di bawah semangat ASEAN yang akan diadakan satu persidangan kemuncak nanti saya yakin perhubungan dari segi Kastam dapat dibaiki supaya apa-apa juga penyeludupan baik bijih timah, getah dan lain-lain barang keluaran daripada Malaysia boleh dikawal. Saya harap Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Kastam kita akan berhubung dengan Menteri Kewangan Singapura supaya mengeratkan lagi perhubungan antara Malaysia dengan Singapura dari segi Kastam.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan perkara mengenai kehilangan hasil yang besar. Seperti saya katakan tadi tidak kurang daripada \$30 juta sampai \$40 juta setahun hilang kerana adanya penyeludupan, ini adalah disebabkan undang-undang yang ada sekarang ini, baik Undang-undang Kastam atau Undang-undang Polis tidak dapat mengawal kegiatan-kegiatan penyeludupan ini. Dengan tujuan kita boleh menjalankan pengawalan penyeludupan ini dengan lebih berkesan, Kementerian saya bercadang hendak meminda Akta Kawalan (Pindaan) Bijih Timah 1954. Tetapi saya rasa peraturan-peraturan yang kita akan buat selepas

Rang Undang-undang ini diluluskan ialah mengikut kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri dan kita tidak boleh buat peraturan-peraturan, undang-undang kecil (by-law) atau regulation keluar daripada apa-apa kuasa yang diberi dan kuasa yang kita minta daripada Dewan yang mulia ini adalah kuasa untuk meninggikan denda dan juga memberi kuasa kepada Kastam, Polis dan Pejabat Tanah dan Galian supaya boleh mencegah dan menghapuskan kegiatan-kegiatan penyeludupan ini. Saya harap sungguhpun saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus atas pelombong-pelombong yang mana mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini itu segala kegiatan-kegiatan penyeludupan ini boleh dikatakan satu perbuatan yang tidak taat setia kepada negara tetapi ini kita mestilah mengambil apa-apa tindakan yang perlu mengikut apa-apa bukti yang ada. Kalau tidak ada bukti maka jelaslah kita tidak boleh mengambil apa-apa langkah terhadap mereka yang tidak taat setia. Tetapi saya harap dan yakin bahawa peraturan-peraturan ini apabila dibuat di bawah Akta ini kita boleh mengadakan satu koordinasi yang rapi di antara Kastam, Polis dan Jabatan Tanah dan Galian supaya kita boleh menghapuskan atau mengurangkan amalan penyeludupan bijih timah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak pun ada membuat satu cadangan yang mana kalau kita hendak mengawal atau kita hendak mengutip cukai eksport ini dengan lebih sempurna baiklah kita kutip cukai ini daripada lombong, daripada kadar pengeluaran bijih timah. Saya tahu tentang masalah cukai eksport yang dikutip atas bijih timah atau barang-barang yang kena cukai pada masa barang-barang itu keluar daripada negara kita. Kalau kita kutip sebagai satu cukai di dalam lombong, yang bermakna ini ialah satu cukai eksais tetapi peraturan (procedure) yang mana kita boleh mengutip seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Setapak ini bolehlah Kementerian Kewangan mengkajinya.

Berkenaan dengan tanah, bijih timah dan sebagainya, dalam perkara ini Kementerian

saya sedar bahawa ada banyak peraturan mengenai pengeluaran lesen, berkenaan dengan mencari galian atau pembaharuan pajakan tanah, penukaran tanah dan lain-lain ada perbezaan antara satu negeri dengan satu negeri yang lain. Dengan tujuan untuk menyelaraskan semua peraturan ini, kita sekarang telah mengkaji untuk membentuk satu Kanun Melombong Kebangsaan (National Mining Code) supaya masalah-masalah ini dapat dikoordinasikan dan juga boleh dijalankan dengan lebih licin dan sempurna.

Itulah sahaja yang saya dapat jawab pada petang ini. Kalau ada apa-apa syor dan pandangan-pandangan yang saya tidak dapat jawab dengan tepat bolehlah saya memberikan jaminan di sini bahawa syor-syor itu akan diteliti oleh Kementerian saya dan jika perlu kita boleh ambil apa-apa tindakan untuk membaiki keadaan-keadaan atau mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK  
NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) (NO. 2)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.21 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958" dibaca bagi kali yang kedua.

Fasal 2, Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda seksyen 6(1) Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 untuk menambahkan modal yang dibenarkan (authorised capital) Bank tersebut daripada jumlah sekarang sebanyak \$50 juta kepada \$200 juta.

Bank Negara Malaysia telah mencapai perkembangan yang pesat di mana jumlah hartanya pada tahun 1969 sebanyak \$2,085 juta telah meningkat kepada \$6,834 juta pada akhir tahun 1976, iaitu menunjukkan pertambahan jumlah harta sebanyak 228% daripada tahun 1969 hingga tahun 1976. Modal yang dibayar (paid-up capital) Bank Negara Malaysia sekarang sebanyak \$40 juta hanya merupakan kira-kira 0.6% daripada jumlah harta Bank Negara Malaysia sekarang. Kedudukan ini dianggap tidaklah seimbang di mana modal yang dibayar bagi Bank ini adalah terlampau rendah berbanding dengan jumlah hartanya yang begitu besar. Dengan tujuan untuk mengimbangkan kedudukan di antara modal dibayar dan jumlah harta-harta yang dimiliki oleh Bank Negara Malaysia, adalah difikirkan wajar supaya modal yang dibayar ini ditambah daripada \$40 juta yang ada sekarang kepada \$100 juta. Kenaikan jumlah modal yang dibayar bagi Bank Negara Malaysia ini boleh dibuat dengan memindahkan sejumlah \$60 juta daripada Kumpulan Wang Cadangan Am (General Reserve Fund) Bank tersebut yang ada cukup untuk tujuan ini.

Pada masa ini modal yang dibenarkan untuk Bank Negara ialah \$50 juta. Oleh kerana

modal yang dibayar sekarang akan dinaikkan kepada \$100 juta maka terpaksa modal yang dibenarkan juga dinaikkan. Adalah difikirkan bahawa modal yang dibenarkan ini patut dinaikkan kepada \$200 juta. Untuk membolehkan tambahan ini dibuat maka seksyen 6(1) Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 terpaksa dipinda seperti di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*4.24 ptg.*

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2) bagi membolehkan authorised capitalnya ditambah daripada \$50 juta kepada \$200 juta.

Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan Bank Negara telah pesat perkembangannya dengan mempunyai harta dan aset-asetnya yang begitu banyak patutlah ditambah authorised capitalnya dan berikutan dengan itu saya percaya dengan perkembangannya, kalau sudah kembang maka kembanglah pula aktiviti-aktivitinya.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh dua tiga perkara kerana pada anggapan saya Bank Negara ini adalah bank pusat yang mengkontrol aktiviti-aktiviti bank-bank saudagar seperti Merchant Bank, Syarikat Kewangan dan sebagainya supaya bank-bank ini dapat menjalankan perniagaannya sejajar dengan hasrat Kerajaan. Pendek kata, Bank Negara menjadi watchdog supaya kesemua pembangunan-pembangunan kita sejajar dengan dasar ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam segi inilah saya minta kepada Kementerian yang berkenaan dan Bank Negara mengawasi aktiviti-aktiviti bank swasta. Di dalam Laporan Bank

Negara iaitu bagi tahun 1976 berakhir pada 31hb. Disember, 1976, begini molek dan lengkap diedarkan kepada kita semua, yang berada dalam Dewan ini, ada berbagai-bagai laporan mengenai pinjaman-pinjaman dan sebagainya. Ada juga menyentuh garis-garis kasar panduan mengenai haluan berian pinjaman dikenakan ke atas bank-bank saudagar iaitu minima 20% kepada bumiputra, 10% kepada pengeluaran makanan, 25% kepada sektor perkilangan dan 10% kepada perseorangan untuk perumahan. Ini garis-garis kasarnya.

Apa yang saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, adalah peratus-peratus minimanya sahaja dan saya juga menyaksikan dalam laporan ini bahawa 60% daripada pinjaman kepada bumiputra diberi oleh.....

**Tuan Azahari bin Md. Taib:** Ahli Yang Berhormat, kita membahaskan masaalah pindaan iaitu daripada \$50 juta ini hendak dinaikkan \$200 juta, kita bukan membahaskan menyeluruh Bil Bank Negara. Saya harap Yang Berhormat bahaskan dalam bab pindaan ini sahaja.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kerana saya hendak menunjukkan dengan jelas, saya minta izin menyentuhnya. Tetapi kalau tidak boleh, hanya saya suka menekankan bahawa hendaklah Bank Negara mengawasi supaya peraturan-peraturan ini betul diikuti oleh bank-bank saudagar dan juga adakan peruntukan-peruntukan supaya dapat satu-satu tindakan berkesan diambil ke atas bank-bank perdagangan yang tidak menurut garis-garis kasar panduan itu.

Di samping itu juga saya suka menyentuh satu perkara yang lain di mana Bank Negara adalah punca untuk menentukan samada dapat atau tidaknya iaitu lesen untuk menjadi syarikat meminjam (finance company) dan juga discount house. Dengan adanya dasar Kerajaan menggalakkan supaya badan-badan koperasi diberi peluang, kerana badan-badan

koperasi ini membolehkan orang ramai, orang kecil-kecil dapat menyertai di dalam bidang perniagaan yang besar-besar; keutamaan hendaklah diberi kepada badan-badan koperasi ini ataupun syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh dewan-dewan perniagaan. Saya dukacita kerana ada lesen-lesen finance company ini diberi kepada syarikat-syarikat yang dianggotai oleh dua atau tiga orang. Begitu juga discount house diberi kepada syarikat-syarikat yang dianggotai oleh dua tiga orang; ini hendaklah diawasi. Saya berharap Bank Negara dengan adanya aktiviti-aktiviti yang lebih hendaklah juga mengambil dan memandang berat kepada sungutan-sungutan yang dikemukakan oleh peniaga-peniaga bumiputra dan petani-petani dari semua kaum untuk mendapat kemudahan dan hendaklah pada masa-masa yang lampau, masa menyediakan pinjaman-pinjaman yang telah diberi oleh bank-bank commercial kepada peminjam-peminjam menurut angka-angkanya dan kaum-kaum supaya dapat kita melihat sebenarnya performance bank-bank ini dan juga bank-bank luar negeri. Sekian perhatian dari saya.

4.32 ptg.

**Dr. Hee Tien Lai (Ayer Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya banyak menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2).

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat bahawa keperluan untuk menambah authorised capital daripada sebanyak \$50 juta kepada \$200 juta adalah menunjukkan bahawa ekonomi negara kita bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini saya ingin menyentuh sedikit atas peranan yang dimainkan oleh perindustrian kecil (small industries) dalam kemajuan ekonomi negara kita dari segi perkara bank-bank. Pada hari ini walaupun kita mengadakan banyak institusi-institusi kewangan tetapi sumber masih belum mencukupi khasnya untuk perindustrian kecil. Menurut satu kajian tidak lebih daripada 75% perindustrian kecil (small industries) tidak menikmati faedah-faedah yang

diberikan oleh institusi-institusi kewangan termasuk bank-bank. Kebanyakan daripada perindustrian kecil yang disebutkan tadi menghadapi kesukaran untuk mendapat pinjaman khususnya long term dan medium term financing. Sebab itu perindustrian kecil tidak dapat menjalankan perniagaannya dengan memuaskan, umpamanya, perindustrian kecil hanya mengadakan alat-alat dan jentera (machinery) yang kurang productive, bangunan atau kilang-kilang dan bengkel itu juga hanya make shift sahaja iaitu sempit, juga harga sewaan rumah itupun tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu, saya fikir adalah perlu supaya pihak bank-bank khususnya Bank Negara Malaysia (Central Bank of Malaysia) melalui commercial bank tidak ada bias terhadap perniagaan-perniagaan kecil dari segi permintaan pinjaman dan juga adalah perlu mengubah dasar-dasar bank-bank terhadap perniagaan-perniagaan kecil juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menggesa bahawa institusi-institusi kewangan dapat memberikan pinjaman-pinjaman dengan mudah khususnya kepada perindustrian kecil.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga berharap bahawa dapat lebih maklumat (information) diberikan kepada peniaga-peniaga kecil yang berkenaan. Ini ialah sebab kebanyakan peniaga kecil (small business man) adalah kurang pelajaran dan pengalaman dalam perkara-perkara kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini akan mengurangkan information gap yang ada pada masa sekarang ini.

4.36 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangun, pada kali ini saya hendak menyokong Akta Bank Negara (Pindaan) yang

mana hendak meninggikan tambahan authorised capital daripada \$50 juta kepada \$200 juta dan hendak menambahkan modal yang telah berbayar (paid-up capital) daripada \$40 juta kepada \$100 juta. Saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan atau Bank Negara yang telah mengambil langkah yang wajar dalam keadaan negara kita pada hari ini.

Satu perkara yang saya minta kepada pihak Bank Negara melalui Kementerian Kewangan iaitu kita semua faham banyak institusi-institusi Kerajaan yang menjalankan kutipan wang orang ramai menyimpan wang di Bank Negara misalnya, di Tabung Haji dan kita faham wang-wang yang disimpan daripada orang ramai dalam Tabung Haji ini ialah terdiri dari orang-orang Melayu kita yang beragama Islam dan yang duduk di luar bandar. Tetapi malangnya wang-wang yang disimpan dengan Bank Negara ini faedahnya adalah terlampau kecil yang didapati oleh penyimpan-penyimpan melalui Tabung Haji. Jadi, adanya tambahan paid-up capital Bank Negara akan memainkan peranan yang penting banyak menambahkan aktiviti, saya harap Bank Negara akan banyak pula mendapat keuntungan dan hasil daripada keuntungan ini dapat pula ditambah keuntungannya daripada simpanan penyimpan-penyimpan melalui Tabung Haji.

Yang kedua, dengan adanya aktiviti-aktiviti yang bertambah kalau dengan adanya kenaikan rate of interest ataupun faedah-faedah yang hendak diberi melalui Bank Negara, saya percaya banyak lagi orang yang ada wang akan menyimpan di dalam Bank Negara dan ini akan menambahkan hasil kedudukan reserves daripada Bank Negara sendiri kalau ada orang ramai sendiri yang hendak menyimpan wang dalam Bank Negara. Pada masa ini kita sedar dan saya percaya Timbalan Menteri yang berkenaan sendiri pun sedar iaitu banyak wang negara kita yang keluar tiap-tiap hari, di mana mereka simpan, kita tidak tahu, dan kalau dapat Bank Negara memberi jaminan dan menambahkan keuntungan atau faedah kepada penyimpan-penyimpan ini akan memperkuat kedudukan kewangan negara kita.

Yang ketiga dan yang akhir, saya minta kepada Bank Negara samada Bank Negara sendiri sedar ataupun tidak iaitu sebarang kesulitan yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan Bank-Bank swasta selalunya jawapan yang didapati daripada bank-bank swasta kepada pelanggan-pelanggan dikatanya: Oh! ini adalah arahan Bank Negara — apa sahaja arahan Bank Negara, tetapi kita pelanggan-pelanggan, orang ramai tidak tahu, apa bendanya. Jadi, saya minta sebarang arahan-arahan yang tertentu yang dikeluarkan kepada bank-bank commercial hendaklah juga orang ramai diberitahu terutama sekali di bahagian sektor perniagaan kerana ini amatlah penting kesulitan-kesulitan yang dihadapi selalunya berlaku di kalangan peniaga-peniaga bumi-putra yang baru hendak berniaga. Apabila mereka menghadapi kesulitan-kesulitan ini mereka menyalahkan Kerajaan kerana mereka kurang mendapat maklumat-maklumat ataupun masalah-masalah, peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara kepada bank swasta ataupun samada bank swasta sengaja menokok-tambah untuk kepentingan dan kesenangan mereka. Ini yang timbul berbagai cerita pintu belakang dan sebagainya yang kita dengar. Saya minta perkara ini diambil perhatian oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya menyokong usul ini.

*4.40 ptg.*

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk memberi beberapa kritikan yang membina dan juga menyokong Bil ini.

Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor iaitu tentang arahan daripada Bank Negara supaya bank perdagangan mestilah mengeluarkan tidak kurang daripada 20% daripada pinjaman semenjak Oktober, 1976 kepada kaum bumi-putra. Di sini inginlah saya menyatakan bahawa mengikut perangkaan yang terakhir

yang telah saya perolehi daripada semua pinjaman baru yang telah dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan semenjak terbitnya arahan itu hanya setakat 13.5% sahaja daripada quota itu yang telah dapat dipenuhi. Ini bermakna masih ada lagi gap ataupun jurang yang belum dapat dipenuhi tetapi ini mungkin tidak bermakna bahawa bank-bank sendiri tidak mahu mematuhi arahan itu, mungkin ada sebab-sebabnya, misalnya, pinjaman-pinjaman yang belum lagi diproses ataupun lengkap diproses, dan banyak juga disebut dalam Dewan ini bahawa kerap kali masalah ini timbul di kalangan bakal peminjam sendiri apabila tidak dapat memberikan butir-butir lengkap atas pinjaman-pinjaman yang dimohon, maka sudah pasti kelewatan berlaku. Jadi setakat bulan Mei misalnya itu sahajalah 13.5%.

Tentang lesen-lesen untuk finance company dan juga discount house akan diambil perhatian oleh Bank Negara dan juga oleh Kementerian Kewangan.

Tentang samada Bank Negara patut mengemukakan statistik mengenai pinjaman-pinjaman mengikut kaum dan mengikut saluran, ingin saya menyatakan bahawa dalam Laporan Bank Negara itu ada dicatitkan, misalnya, pinjaman kepada sektor-sektor tertentu dan juga pinjaman kepada sektor-sektor syarikat-syarikat luar negeri yang tidak dimiliki oleh anak negeri iaitu companies yang dicontrol oleh non-resident. Jadi ada butir-butir yang berkenaan. Saya minta Ahli Yang Berhormat merujuk kepada perkara ini.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam iaitu ramai syarikat-syarikat atau business bidang kecil yang tidak mendapat kemudahan bank, saya ingin menyatakan bahawa setakat tahun 1976 telah dikeluarkan sejumlah \$1,190 juta pinjaman perusahaan kecil yang mana perusahaan kecil itu tarafnya ialah perusahaan yang memerlukan pinjaman atau mendapatkan pinjaman dan pendahuluan sebanyak \$150,000 atau kurang dan yang mana perusahaan itu mempunyai pelaburan tetap tidak melebihi \$300,000. Bagi

mereka ini telah dikeluarkan pinjaman dan sebenarnya pinjaman dalam tahun 1976 itu merupakan 16.8% dari jumlah pinjaman dan pendahuluan yang telah dikeluarkan kesemuanya. Jadi memang ada diberi pinjaman kepada industri bidang kecil itu.

Berkenaan information gap yang wujud, saya mengakuilah itu ada berlaku di mana ada sebilangan daripada peniaga-kecil kita tidak faham selengkap-lengkapnya tentang syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank dan juga tentang procedure pinjaman dan seterusnya. Di sini ingin saya menyatakan bank-bank telah pun menubuhkan yunit bumiputra masing-masing, tetapi ada juga didapati bahawa kerap kali yunit bumiputra disetengah daripada bank-bank itu tidak menjalankan urusan lengkap atau comprehensive. Jadi inilah ditegaskan supaya yunit bumiputra yang diwujudkan itu tidaklah semata-mata menjalankan tugas untuk memproses pinjaman sahaja, tetapi juga diharapkan dapat memberi aktiviti samping (ancillary services) samada dalam bentuk memberi bimbingan, memberi nasihat ataupun tunjuk ajar dengan tujuan supaya tiap-tiap pinjaman yang diberikan kepada peniaga-peniaga kecil itu menjadi pinjaman yang bermakna atau pinjaman yang berkesan; dan supaya dapat pinjaman itu menggerakkan dynamism di kalangan peniaga kecil, terutamanya peniaga bumiputra. Jadi rasa saya tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam dan juga Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengenai information gap dan mengenai directive Bank Negara tidak diketahui oleh peniaga-peniaga terutama peniaga bumiputra, itu bukan sahaja tanggungjawab Bank Negara ataupun bank-bank perniagaan untuk mengumumkan kepada orang ramai tentang apakah directive yang telah dibuat. Sebenarnya, memang ada diumumkan oleh Menteri dan sebagainya dari masa ke masa, tetapi rasa saya timbullah soal peranan-peranan badan-badan tertentu mengenai itu, misalnya, pertama peranan dewan-dewan perniagaan, terutama Dewan Perniagaan Melayu, samada Dewan itu telah menjalankan fungsi untuk sentiasa mengesan

perjalanan dan dinamik pasaran kewangan ia-itu kalau ada arahan baru dikeluarkan, maka hendaklah dewan perniagaan itu khususnya mengesan directive itu dan menyampaikannya, dengan serta merta kalau boleh kepada ahli-ahlinya sekalian. Kalau boleh diberi penerangan lanjut atas arahan itu kepada ahli-ahlinya dan juga orang-orang yang bukan ahli yang mungkin ada kesempatan untuk mendapat kemudahan menerima maklumat itu daripada persatuan perniagaan atau dewan perniagaan. Begitu juga kita tahu banyak persatuan-persatuan perniagaan telah ditubuhkan. Adalah juga peranan persatuan-persatuan perniagaan untuk mengumpul dan mengesan apa juga pembaharuan yang berlaku dari segi urusan bank, dari directive-directive bank supaya dapat disampaikan maklumat itu kepada ahli-ahlinya.

Jadi inilah rasa saya peranan yang boleh dijalankan oleh badan-badan dan juga oleh pihak-pihak tertentu untuk memberi kesan lagi kepada perjalanan pinjaman-pinjaman oleh bank-bank.

Jadi saya dengan ini sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Bill ini dan saya akan membawa kepada perhatian Kementerian Kewangan tentang apa juga yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### Pembinaan Rumah-rumah Murah di Wilayah Persekutuan

4.48 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan ucapan penangguhan saya hari ini ialah menyeru supaya dipercepatkan pembinaan rumah murah di Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan perumahan awam kos rendah telah menjadi satu masalah sosio-ekonomi yang besar di Wilayah Persekutuan hari ini. Tidak ada masalah lain yang lebih serius dan teruk daripada masalah kekurangan perumahan kos rendah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, menurut pengetahuan saya lebih daripada 20,000 pemohon-pemohon sedang menunggu mendapat rumah-rumah pangsa Kerajaan dan kebanyakan

mereka telah menyampaikan permohonan mereka kepada Dewan Bandaraya di antara 3 hingga 5 tahun yang lepas. Baru-baru ini kami mendapat tahu bahawa apabila satu scheme perumahan kos rendah dibina di Batu Tiga, Jalan Cheras, Kuala Lumpur lebih daripada 15,000 pemohon-pemohon telah memohon lebih kurang 676 yunit rumah kos rendah di situ. Pada masa ini juga 3 buah lot rumah pangsa di Jalan San Peng yang mengandungi lebih kurang 700 yunit telah mengakibatkan lebih kurang 13,000 pemohon membuat permohonan untuk mendapatkan rumah pangsa di situ.

Tuan Yang di-Pertua, ini dengan jelasnya telah membuktikan dengan nyata bahawa terdapat kekurangan rumah pangsa kos rendah yang amat serius di dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan khususnya bandar Kuala Lumpur sedang menghadapi pembangunan yang begitu pesat dan penduduk-penduduk yang begitu ramai dan tidak dapat dinafikan bahawa adalah mustahak bahawa kerajaan patutlah merancang untuk memenuhi keperluan rumah pangsa penduduk di Wilayah kita. Kerajaan belum lagi dapat membina rumah-rumah kos rendah yang cukup untuk menampung keperluan golongan yang memerlukan rumah-rumah untuk kediaman khususnya golongan yang miskin dan berpendapatan rendah.

Tuan yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan Bandaraya dijangka membina 30,000 yunit rumah-rumah kos rendah dan ini bermakna setiap tahun Dewan Bandaraya akan membina 6,000 yunit rumah-rumah kos rendah. Pengumuman Dewan Bandaraya telah membangkitkan harapan orang ramai khususnya golongan yang miskin yang telah saya sebutkan tadi. Tetapi bolehkah Dewan Bandaraya berupaya mencapai objektif ini iaitu untuk membina, 6,000 yunit pada setiap tahun. Jawapan kepada soalan ini adalah

sangat terang apabila Dewan yang mulia ini diberi tahu beberapa yang lepas iaitu daripada 1hb Januari, 1976 kepada 30hb Mei, 1977 Kerajaan hanya dapat membina 799 unit rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan. Ini amat mendukacitakan dan telah membuktikan bahawa Kerajaan khasnya pihak pentadbiran Dewan Bandaraya tidak upaya untuk mencapai objektif atau sasaran Dewan Bandaraya mengenai pembinaan rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan. Di sini saya ingin mengesyurkan bahawa Kerajaan patutlah mengkaji semula rancangan yang berkaitan dengan pembinaan rumah pangsa Wilayah Persekutuan dengan tujuan untuk mencari langkah-langkah yang lebih berkesan yang lebih efektif untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah itu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa cara yang sesuai dan wajar dipilih untuk mengatasi masalah kekurangan perumahan kos rendah di Wilayah Persekutuan ialah dengan membina lebih banyak rumah awam dan dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan supaya diberikan perhatian yang lebih berat kepada pihak Dewan Bandaraya untuk melaksanakan sekim-sekim perumahan kos rendah untuk memenuhi kehendak-kehendak golongan berpendapatan rendah yang berharap boleh memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang lain yang ingin saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini ialah mengenai penjualan rumah kos rendah atau rumah pangsa kepada penghuni-penghuni. Sungguhpun pihak pentadbiran di Wilayah Persekutuan iaitu pihak Dewan Bandaraya telah membangkitkan niatnya untuk menjual rumah-rumah pangsa kepada penghuni-penghuni pada masa itu akan tetapi dengan malangnya objektif ini belum dicapai. Juga saya ingin menambah di sini bahawa Kerajaan sendiri melalui Menteri-menteri dan Timbalan Menteri-menteri pun telah beberapa kali pada masa yang lepas me-

nyentuh konsep demokrasi pemilikan rumah (house owning democracy).

Tuan Yang di-Pertua, percakapan sebagai ini telah membawa banyak harapan, harapan yang tinggi di kalangan orang ramai dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk bertindak supaya harapan-harapan dan cita-cita orang ramai dapat dilaksanakan dan bukanlah diamalkan sahaja. Oleh hal yang demikian, saya berharap bahawa pihak Kerajaan akan mengambil segala langkah-langkah yang sesuai supaya konsep demokrasi pemilikan rumah bukan sahaja diamalkan bahkan juga dipraktik dan dilaksanakan untuk faedah semua rakyat khasnya golongan yang miskin.

*4.48 ptg.*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah serta usaha yang positif sedang diambil oleh Kerajaan khususnya pihak Dewan Bandaraya untuk mempercepatkan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah di Wilayah Persekutuan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu tentu tersedia maklum Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$103.1 juta kepada Dewan Bandaraya bagi pembinaan rumah-rumah awam kos rendah dalam tempuh Rancangan Malaysia Ketiga dan kalau sekiranya dikehendaki tambahan adalah lazim dibincangkan dalam masa Mid-Term Review. Jumlah peruntukan ini dianggarkan akan menghasilkan lebih kurang 13,747 unit rumah awam kos rendah. Jumlah ini adalah yang terbesar sekali diperuntukan di antara negeri-negeri di Malaysia memandangkan bahawa permintaan bagi perumahan jenis ini amatlah tinggi sekali di Wilayah Persekutuan, oleh itu saya telah pun meluluskan beberapa projek yang telah dirancang oleh pihak Dewan Bandaraya bagi dilaksanakan dalam tempuh Rancangan Malaysia Ketiga ini dan saya ketahui pihak tersebut sedang giat menjalankan berbagai tindakan bagi melaksanakan projek-projek

tersebut bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, ada beberapa masalah yang dihadapi oleh pihak tersebut bagi melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendahnya. Masalah-masalah yang utama ialah kekurangan tanah yang sesuai untuk perumahan. Bagi mengatasi sebahagian daripada masalah ini pihak tersebut telah pun mengambil tindakan untuk mengambil alih tanah-tanah lombong yang telah habis tempuh pajakannya atau telah habis bijahnya untuk dijadikan tapak bagi projek-projek perumahan tersebut. Akan tetapi bukanlah setakat itu sahaja masalah yang dihadapi oleh Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Masalah yang lebih besar lagi bukan saja bagi menyediakan tanah-tanah tersebut untuk sesuai didirikan rumah, tetapi adalah didapati juga kebanyakan daripada tanah-tanah tersebut sedang diduduki oleh setinggan-setinggan. Masalah ini telah menjejaskan usaha pihak tersebut untuk membina rumah-rumah dengan seberapa cepat yang boleh, kerana beberapa cepat pun jentera pembinaannya dapat bergerak, setinggan-setinggan tersebut perlu dipindahkan terlebih dahulu. Usaha ini tidaklah mudah, malahan memakan masa pula, kerana kebanyakan dari mereka itu perlu diberi tempat tinggal yang lain. Yang bererti bukan sahaja masalah penempatan semula perlu diatasi bahkan masalah-masalah kemaknusiaan pun perlu difahami dan diatasi jua. Pihak Dewan Bandaraya pada masa ini sedang menumpukan perhatian mereka kepada masalah-masalah ini. Apabila ringan sedikit keadaannya maka kerja-kerja pembinaan projek-projek perumahan, yang kebanyakannya mengandungi rumah-rumah pangsa berlif, akan dijalankan dengan licin dan pesat sekali.

Sehingga akhir tahun 1977 sejumlah 3,167 unit rumah awam kos rendah dianggarkan dapat dilaksanakan di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan. Dengan adanya program untuk penempatan semula setinggan yang sedang dirangka oleh pihak tersebut maka adalah dijangka sehingga akhir tempuh Rancangan Malaysia Ketiga, matlamat 13,747 unit bagi

Wilayah Persekutuan itu dapat terlaksana.

Berkaitan dengan penjualan rumah kepada penghuni-penghuni yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, perlu diterangkan buat masa ini pihak Wilayah Persekutuan belum ada rancangan untuk berbuat demikian. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu tersedia maklum dan sebagaimana yang telah diterangkan dalam persidangan-persidangan yang lalu di Dewan yang mulia, ini, matlamat demokrasi pemilikan rumah itu merupakan matlamat terakhir dan hanya dapat dicapai setelah objektif peringkat awal iaitu "decent shelter" dicapai dan kemudiannya meningkat kepada objektif "decent shelter with security of tenure".

Dengan keadaan yang berlaku sekarang sebagaimana yang telah saya terangkan tadi, pihak Dewan Bandaraya adalah berkeupayaan serta perlu menumpukan perhatiannya bagi menyediakan bekalan perumahan bagi peringkat "decent shelter" dan seterusnya untuk tempat sebagaimana saya katakan tadi "decent shelter" terlebih dahulu adalah bagi menampung keadaan permintaan yang kini lebih mendesak. Sebarang rancangan bagi menjual rumah-rumah kepada penghuni perlu mengambil kira ke atas beberapa faktor yang mana di antara terpenting sekali ialah pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru bagi menyusun semula masyarakat. Untuk melaksanakan tujuan tersebut adalah lebih wajar bagi Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur menambahkan jumlah perumahan awamnya supaya sesuatu keputusan kelak samada hendak menjual unit-unit rumah atau tidak akan benar-benar memberi kesan yang positif dan tidak menambahkan keadaan tak seimbang sebagai yang ujud sekarang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Azahari bin Md. Taib:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga hari Isnin, 25hb Julai, 1977 pukul 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.06 petang.*